



**DR 11 TAHUN 2016
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT**




**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

**PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA
KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG DENGAN PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA OLEH KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN	1-10
2.	RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA	11
3.	AGENDA MESYUARAT	
4.	LAPORAN PROSIDING	
5.	DOKUMEN PEMBENTANGAN	



LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA OLEH KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN.

1. PENDAHULUAN.

Pengurusan Pengendalian Acara adalah merupakan sebahagian daripada penemuan audit yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 (Siri 3), yang dibentangkan di Parlimen pada 10 November 2014.

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah memutuskan untuk membincangkan isu tersebut pada 7 April 2015 iaitu dalam Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2015.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN.

Selaras dengan mandat yang diberi di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah memanggil Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK). PAC Parlimen telah membincangkan penemuan Audit berhubung Pengurusan Pengendalian Acara bertujuan:

- Mengenal pasti dasar Kerajaan yang berkaitan dengan perkara tersebut;
- Mengenalpasti sama ada perkara tersebut dibuat selaras dengan peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa; dan
- Mengesyorkan tindakan-tindakan yang patut diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat.

3. SKOP DAN METODOLOGI.

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- Menjemput Ketua Audit Negara atau wakilnya bagi memberi penjelasan awal berhubung isu yang dibangkitkan;
- Memanggil pihak-pihak yang terlibat dalam Pengurusan Pengendalian Acara termasuklah KSU KPK dan pegawai-pegawai daripada KPK dan jabatan agensi di bawah KPK yang terlibat; dan
- Menjemput wakil dari agensi pusat seperti Kementerian Kewangan; Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi untuk hadir bersama.

4. LATAR BELAKANG.

4.1. Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia (KPK) ditubuhkan antaranya bagi meningkatkan sumbangan sektor pelancongan kepada ekonomi negara dan merakyatkan seni, budaya serta warisan melalui acara/aktiviti seni dan budaya ke arah 1Malaysia.

Strategi yang digunakan bagi meningkat dan menggalakkan pelancongan domestik dan kedatangan pelancong dari luar negeri adalah melalui acara pembangunan industri; promosi pelancongan dan acara mega Kementerian sama ada di bawah kendalian Sektor Pelancongan dan Sektor Kebudayaan.

Jumlah perbelanjaan yang dilibatkan bagi pengurusan acara di Kementerian adalah berjumlah RM78.96 juta (93.5%) berbanding

peruntukan berjumlah RM84.47 juta pada tahun 2011, RM69.24 juta (78.4%) berbanding peruntukan berjumlah RM88.34 juta pada tahun 2012 dan RM89.94 juta (94.9%) berbanding peruntukan berjumlah RM94.78 juta pada tahun 2013.

- 4.2. Di bawah Sektor Pelancongan, terdapat acara yang diklasifikasikan sebagai acara *home-grown* iaitu acara yang dirancang serta dilaksanakan sendiri oleh Kementerian dan Pejabat Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia Negeri (KPK Negeri).

Selain itu, Kementerian/KPK Negeri turut terlibat dalam penganjuran acara pelancongan lain yang dianjurkan oleh agensi Kerajaan/swasta sama ada dalam bentuk kerjasama atau sumbangan/tajaan.

Bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Mac 2013, acara pelancongan yang dianjurkan oleh Kementerian telah dirancang dan dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Industri Kementerian

Manakala bagi acara yang dijalankan selepas itu, ia telah dirancang dan dilaksanakan oleh Bahagian Sekretariat *Visit Malaysia Year 2014* (VMY 2014).

Bagi acara yang dirancang di peringkat negeri ia telah dilaksanakan oleh KPK Negeri yang berkaitan.

Satu Jawatankuasa Induk dilantik oleh Penolong Pengurus yang kemudiannya bertanggungjawab melantik Jawatankuasa Kerja untuk melaksanakan proses/operasi penganjuran acara bagi memastikan kelancaran dan pemantauan keseluruhan pelaksanaan pengendalian acara.

- 4.3. Di bawah Sektor Kebudayaan, pelaksanaan dan pemantauan acara telah dibuat oleh Bahagian Pengurusan Acara Kebudayaan (BPAK) dan Bahagian Perhubungan Antarabangsa (Kebudayaan)

yang dahulunya di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Dalam menjayakan acara ini, BPAK/Bahagian Perhubungan Antarabangsa (Kebudayaan) telah menggunakan konsep penganjuran acara yang dilaksanakan melalui penubuhan Jawatankuasa Induk yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian/Timbangan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) dan Jawatankuasa Kerja yang melibatkan Jabatan/Badan Berkanun/Agensi di bawah Kementerian, Pejabat Kerajaan Negeri serta Pejabat Kerajaan Tempatan. Bagi setiap program/acara antara 11 hingga 17 Jawatankuasa Kerja dipertanggungjawabkan mengikut bidang tugas yang ditetapkan.

5. HASIL PERBINCANGAN DAN PENEMUAN.

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu Pengurusan Pengendalian Acara dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 3 Tahun 2013 oleh wakil Ketua Audit Negara kepada PAC Parlimen. Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu KPK telah dipanggil memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan pada umumnya diringkaskan seperti berikut:

5.1. Penjelasan Awal Oleh wakil Ketua Audit Negara.

Wakil Ketua Audit Negara memaklumkan bahawa pengauditan yang dijalankan adalah Pengurusan Pengendalian Acara, KPK yang telah dibentangkan dalam Siri 3, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 pada 10 November 2014.

Secara rumusannya, antara penemuan Audit yang dibangkitkan terhadap pengauditan Pengurusan Pengendalian Acara adalah seperti berikut:

- i. *Improper payment* disebabkan pengurusan pembayaran yang lemah di mana pembayaran dibuat tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Dokumen pengesahan pelaksanaan tidak disertakan kerana tiada mekanisme atau kaedah yang sistematik dan seragam untuk pegawai menyemak dan mengesahkan kesempurnaan kerja bagi setiap item yang dinyatakan di dalam kontrak.
- ii. Spesifikasi bekalan dan perkhidmatan yang tidak mematuhi peraturan. Terdapat unsur-unsur yang boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- iii. Pemilihan lokasi acara yang dibuat oleh pejabat KPK Pahang pada tahun 2011 hingga 2012 di mana 12 acara telah dibuat di bandar Raub dengan kos pengendalian berjumlah RM5.23 juta. Namun, tiada justifikasi yang jelas dan kedatangan pelancong ke Raub hanyalah 0.4% sahaja.
- iv. Pelantikan kontraktor khusus untuk menjalankan kerja perkhidmatan perhubungan awam yang tidak sesuai dengan fungsi Kementerian.
Secara mandatnya, aktiviti promosi dan perhubungan awam sepatutnya dilaksanakan oleh Tourism Malaysia. Selain itu, keperluan perolehan bagi melaksanakan projek tersebut dan *needs statement* tidak disediakan.

Berdasarkan skop dan spesifikasi kontrak, skop kerja tidak diperincikan dan anggaran disediakan secara *lump sump*.

Perbandingan harga yang dibuat mendapati kontrak yang dibuat oleh Kementerian mewakili 910% atau sembilan kali ganda nilai kontrak yang dibuat mengikut nilai bulanan oleh Tourism Malaysia. Semak silang yang dibuat turut mendapati persamaan kerja yang dibuat bagi kedua-dua projek tersebut. Bagi output kerja *compile press clipping, provide translation and commercial value to all Visit Malaysia Year 2014 media release* terdapat persamaan skop kerja sehingga 80% dengan output kerja kontraktor Tourism Malaysia.

- v. Ketidakselarasan dalam aspek perancangan di mana untuk sampel yang disemak didapati sewaan kerusi *banquet* melebihi jumlah makanan yang ditempah antara 53.9% hingga 300%.
- vi. Pengisian acara yang tidak seimbang daripada segi penglibatan kaum dan tidak selaras dengan objektif utama acara untuk memperkenalkan sajian tempatan di mana program yang dijalankan turut memfokuskan kepada juadah-juadah negara lain.
- vii. Pengurusan keselamatan untuk Program Pesta Air Labuan pada tahun 2011, didapati lokasi pemasangan bunga api tidak selamat dan dikhuatiri boleh membahayakan keselamatan dan harta benda awam di kawasan tersebut.

- viii. Penyenggaraan selepas tamat acara di mana bagi acara Festival Bunga dan Taman Putrajaya 2011 terdapat 3 pontun yang sepatutnya dikeluarkan pada 31 Julai. Bagaimanapun sehingga 8 Ogos 2011, ia masih tidak dikeluarkan dan tong yang digunakan untuk mengapungkannya didapati mengandungi sisa toksik yang berbahaya dan boleh mencemarkan hidupan akuatik di tasik tersebut. Selain itu, bagi acara *Royal Pahang Billfish International Challenge*, didapati Jeti Pantai Bernas di Kuala Rompin masih belum dibaik pulih sepenuhnya serta tidak diurus dengan baik.
- ix. Kelemahan dalam pemantauan projek di mana bagi Sektor Pelancongan, laporan pelaksanaan tidak disediakan kecuali bagi projek Pesta Air Labuan. Secara umumnya laporan pelaksanaan dan perbelanjaan perlu disediakan sektor kebudayaan. Bagaimanapun penyediaan minit mesyuarat atau dokumen berkaitan tidak dibuat dengan baik dan tidak disimpan dengan teratur.
- x. Tiada garis panduan khusus dikeluarkan bagi bantuan kewangan untuk projek-projek atau program pelancongan yang dilaksanakan oleh agensi ataupun NGO.

5.2. Penjelasan Oleh Ketua Setiausaha (KSU) KPK:

Penjelasan YBhg. Datuk Dr. Ong Hong Peng, KSU KPK berhubung isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- Pemilihan bandar Raub sebagai tapak lokasi acara dengan peruntukan RM5.23 juta adalah berdasarkan kepada inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy).

Ia merupakan kerjasama strategik antara komuniti tempatan NGO dan agensi-agensi Kerajaan bagi membangunkan bandar Raub sebagai destinasi pelancongan baru.

Berdasarkan kepada Raub *Integrated Tourism Development Blueprint*, ia berkait rapat dengan hala tuju Kementerian untuk menyambungkan *trail* pelancongan dari Genting ke Raub dan juga ke *Eastern Corridor* dan merupakan projek perintis pelancongan laluan Pantai Timur.

- Bagi isu *improper payment*, terdapat senarai semak dokumen bayaran yang terdiri daripada invois perdagangan, salinan Surat Setuju Terima dan Sijil Pengesahan Perkhidmatan.

Penambahbaikan telah dibuat di mana perlunya sijil pengesahan bekalan perkhidmatan di tapak. Dokumen-dokumen telah disediakan bagi tujuan pembayaran. Bagi pembayaran Citrawarna, ia dibuat mengikut kontrak di mana kontrak yang dibuat adalah mengikut masa.

- Kontrak perhubungan awam yang dibuat oleh Kementerian adalah khusus untuk satu kempen Tahun Melawat Malaysia di peringkat domestik dan antarabangsa yang melibatkan lebih daripada 200 acara dan lebih daripada 50 acara mega. Kontrak Tourism Malaysia hanya memfokuskan kepada penyediaan draf ucapan dan *media releases* untuk kegunaan Tourism Malaysia.

Skop kerja kontrak adalah berbeza. Ekspektasi, fungsi dan skop di bawah Tahun Melawat Malaysia adalah lebih besar

dan komprehensif selain tugas, tanggungjawab dan *output* yang lebih tinggi dari segi *complexity*, frekuensi dan intensiti yang diperlukan.

- Bagi isu kontrak perhubungan awam yang tidak terperinci dan ditetapkan secara *lump sump*, pemotongan telah dibuat bagi sembilan skop kerja dari bulan Jun hingga Ogos. Tindakan penambahbaikan juga telah diambil di mana:
 - Kementerian telah mewujudkan dan melaksanakan garis panduan pengesahan perkhidmatan dan bekalan bagi pengurusan acara;
 - Mewujudkan dan melaksanakan garis panduan bantuan kewangan kepada jabatan/agensi bagi pengurusan acara;
 - Mengemas kini dan melaksanakan prosedur kerja ISO bagi pengurusan acara Kementerian;
 - Mengamalkan *pre-audit* yang merupakan *self-regulation*;
 - Mewajibkan semua pegawai yang terlibat dalam pengurusan acara untuk menghadiri kursus perolehan/kewangan;
 - Mulai dari tahun 2015, wakil daripada Bahagian Kewangan turut dilibatkan dalam pemeriksaan perkhidmatan dan bekalan di tapak; dan
 - Mendapatkan khidmat nasihat Unit Audit Dalam dan Unit Integriti bagi urusan perolehan bayaran dan pengesahan perkhidmatan/bekalan mengikut keperluan.

5.3. Penjelasan Oleh Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan) JPA:

- Bagi kes *improper payment*, JPA telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan dan pertuduhan kepada pegawai-pegawai dari segi urusan pembayaran telah dibuat berdasarkan kepada laporan siasatan. Bagaimanapun, kesemua pegawai telah berjaya membebaskan diri dari segi pertuduhan kerana bukti-bukti kepada bucar bayaran, tandatangan dan sebagainya telah dikemukakan. Semasa pengauditan dijalankan, perkara tersebut disimpan atau tidak didedahkan kepada audit.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 21/ 2015 pada Khamis 7 April 2015**

6. RUMUSAN PAC PARLIMEN.

- 6.1. PAC Parlimen berpandangan penyediaan laporan oleh Jabatan Audit Negara perlu lebih memfokuskan kepada bajet dan dibuat secara objektif.
- 6.2. PAC Parlimen memandang serius kepada kegagalan oleh pegawai KPK dalam mematuhi tatacara kewangan yang telah ditetapkan. Tindakan yang lebih tegas diambil bagi memastikan prosidur dipatuhi.

7. SYOR PAC PARLIMEN.

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, ahli PAC Parlimen mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:

- PAC Parlimen mencadangkan agar *time-based* kontrak tidak lagi dibuat kerana ia memudahkan kontraktor untuk memanipulasi pembayaran. Pelaksanaan kontrak perlu dilaksanakan berdasarkan tatacara pengurusan kontrak dan pengurusan kewangan yang telah ditetapkan
- KPK perlu memastikan satu sistem yang lebih teratur dan lebih baik berdasarkan Tatacara Kewangan dipatuhi bagi mengurangkan risiko pembaziran dan penyelewengan bagi acara-acara Kementerian kerana acara-acara ini dilaksanakan setiap tahun.

**AGENDA MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 21/ 2015 pada Khamis 7 April 2015**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL 21/2015 PADA SELASA 7 APRIL 2015
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN**


TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
7 April 2015 (Selasa) 11.00 pagi	Pengurusan Pengendalian Acara	Kementerian Pelancongan & Kebudayaan

LAPORAN PROSIDING

❖ **Bilangan 21/ 2015 pada Khamis 7 April 2015**

Bil.21

**Selasa
7 April 2015**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Mengenai:

Pengurusan Pengendalian Acara

- Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK JAWATANKUASA 2, TINGKAT 1 BLOK A
PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 7 APRIL 2015**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] - *Pengerusi*
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Y.Bhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]
Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Puan Mona binti Othman [Timbalan Pengarah (Sektor Audit Kerajaan Persekutuan)]
Puan Maziah binti Abdul Majid [Penolong Juruaudit (Sektor Audit Kerajaan Persekutuan)]
Encik Mohd Shahrizal bin Mohd Anuar [Penolong Juruaudit (Sektor Audit Kerajaan Persekutuan)]

samb/-

HADIR BERSAMA *(samb/-)***Kementerian Kewangan**

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Unit (Parlimen dan Kabinet)]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Ali Badaruddin bin Abdul Kadir [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan)]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Zulkhairi bin Ibrahim [Ketua Penolong Pengarah]

Unit Perancang Ekonomi

Y. Brs. Dr. Kamariah binti Noruddin [Pengarah (Seksyen Industri Perkhidmatan)]

Puan Emelia Tay Lim Imm [Ketua Penolong Pengarah (Seksyen Industri Perkhidmatan)]

SAKSI**Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan**

Y.Bhg. Datuk Dr. Ong Hong Peng [Ketua Setiausaha]

Y.Bhg. Datuk Haji Ab. Ghaffar bin A. Tambi [Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)]

Y.Bhg. Datuk Rashidi bin Hasbullah [Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan)]

Y. Brs. Dr. Junaida Lee binti Abdullah [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]

Puan Haslina binti Abdul Hamid [Setiausaha Bahagian (Bahagian Kewangan)]

Encik Hussain bin Moh [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Prasarana)]

Encik Mod Zaky bin Haji Din [Timbalan Ketua Pengarah (Jabatan Warisan Negara)]

Encik Ruthra Moorthi A/L Superameniam [Akauntan (Bahagian Kewangan)]

Puan Junaidah binti Salleh [Ketua Penolong Setiausaha (PA) 2 (Cawangan Acara 2)]

Puan Nor Yahati binti Awang [Pengurus Besar (Sekretariat Tahun Melawat Malaysia)]

Encik Noor Mohd Huzaila bin Abdul Majid [Timbalan Pengurus Besar (Sekretariat Tahun Melawat Malaysia)]

Cik Masdara Siregar binti Mohd Samsir [Pengurus Kanan (Sekretariat Tahun Melawat Malaysia)]

Cik Robinder Kaur [Pengurus (Sekretariat Tahun Melawat Malaysia)]

Puan Nurul Huda binti Hassan @ Asan [Pengurus Pentadbiran dan Kewangan (Sekretariat Tahun Melawat Malaysia)]

Encik Ibrahim bin Abdullah [Pengurus Kanan (Sekretariat Tahun Melawat Malaysia)]

Encik Danendran Sugumar [Penolong Pengurus (Sekretariat Tahun Melawat Malaysia)]

LAPORAN PROSIDING
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA
Selasa, 7 April 2015
Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1 Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur
Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.42 pagi
[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Selamat pagi saya ucapkan kepada Timbalan Pengerusi serta Ahli-ahli Jawatankuasa PAC. Pada pagi ini kita akan mengadakan prosiding mengenai Pengurusan Pengendalian Acara yang di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Jadi, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan adalah kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan sumbangan sektor pelancongan kepada ekonomi negara dan merakyatkan seni. Kebudayaan serta warisan melalui acara dan aktiviti yang dianjurkan.

Jumlah perbelanjaan melibatkan bagi pengurusan acara di kementerian berjumlah RM78.86 juta untuk tahun 2011, RM69.24 juta untuk tahun 2012 dan RM89.94 juta untuk tahun 2013. Jadi Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan dari November 2013 sehingga Februari 2014 untuk menilai sama ada pengendalian acara di bawah kementerian telah diurus dengan teratur dan cekap dan mencapai objektifnya.

Hasil daripada pengauditan tersebut, terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti iaitu terdapat pertindihan di antara skop kerja kontraktor bagi perkhidmatan perhubungan awam yang dilantik oleh kementerian dengan yang dilantik oleh Tourism Malaysia. Pengisian acara yang tidak selaras dengan konsep 1Malaysia malah boleh mendorong kepada isu sensitiviti agama dan etnik di Malaysia.

Yang ini, saya kuang bersetuju dengan *finding* inilah, audit ya. Pengurusan acara tidak dibuat secara teratur dan pemantauan terhadap pelaksanaan acara tidak dibuat dengan rapi.

Jadi, sebelum itu saya hendak maklumkan kepada ahli-ahli PAC bahawa pada hari esok, kita akan menerima kunjungan daripada Pengerusi PAC Negara Bhutan. Mereka ada tujuh orang yang akan datang ke sini untuk nak berjumpa dengan PAC dan juga nak duduk dalam prosiding kita lah. Mereka nak tahu mengenai cara PAC di Malaysia menjalankan tugas. Jadi pada 12.30 tengah hari mereka akan mengadakan lawatan ke Dewan Rakyat dan selepas itu mereka akan datang menghadiri prosiding kita pada jam 12.45. Saya rasa masa itu kita masih lagi menjalankan prosiding dan lepas itu kita akan makan

tengah hari dengan mereka. Jadi ini memberi peluang untuk Jawatankuasa PAC untuk nak berkenalan dengan Ahli-ahli PAC dari Bhutan.

Jadi, tanpa melengahkan masa lagi, saya minta Datuk Anwari untuk memberikan kita sedikit *feedback* mengenai isu pengurusan pengendalian acara ini. Terima kasih.

Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan), Jabatan Audit Negara]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed, Pengerusi PAC, Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Timbalan Pengerusi PAC, Datuk-datuk Ahli PAC, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Hari ini kita kan membincangkan isu di Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia atas tajuk Pengurusan Pengendalian Acara. Jadi disebut tadi, peruntukan untuk tiga tahun peruntukan adalah RM267.61 juta. Jadi isu-isu kami ini adalah berdasarkan kepada standard pengauditan yang kita ada dan pemerhatian-pemerhatian semasa lawatan kita ke tapak. Ini adalah pendapat juruaudit semasa buat *auditing* berdasarkan standard dan pengauditan tapak.

Sampel acara yang dipilih, ada 10 acara meliputi untuk tempoh tiga tahun:-

- 1) Citrawarna 1Malaysia
- 2) Pesta Air Labuan
- 3) Malaysia International Shoe Festival
- 4) Fabulous Food 1Malaysia
- 5) Magic of The Night
- 6) Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri
- 7) Majlis Rumah Terbuka Deepavali
- 8) Majlis Rumah Terbuka Cina
- 9) Majlis Rumah Terbuka Krismas
- 10) Minggu Budaya Malaysia London

So, Yang Berhormat kita tak ke London. Kita pergi ke Johor Bharu. Jadi secara keseluruhan penemuan audit ada kejayaan dan ada kelemahan. Untuk kelemahan saya hanya akan membincangkan isu *improper payment*. Nanti staf Puan Mona akan memperjelas satu persatu.

Merujuk kepada *improper payment*, semasa pengauditan dijalankan, kita dapati untuk pengurusan bayaran ini ada kelemahan. Bayaran tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Mengikut T.I

99(a), semua baucar dan baucar elektronik disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap mengenai tiap-tiap satu perkhidmatan, bekalan atau kerja seperti tarikh, nombor, kuantiti dan kadar dan sebagainya.

Jadi kita dapati daripada semakan audit, dan semasa *exit conference* pada 31.6 sehinggalah tarikh buku ini dicetak pada 18.9.2014. Jadi pihak kementerian gagal mengemukakan dokumen-dokumen sokongan, ada 10 item sebagaimana dalam *Audit Report* Jadual 22.14. Dalam hal ini, jawapan yang diberikan, dokumen pengesahan pelaksanaan tidak disertakan kerana tiada mekanisme atau kaedah yang sistematik dan seragam untuk pegawai menyemak dan mengesahkan kesempurnaan kerja bagi setiap item yang dinyatakan dalam kontrak. Inilah jawapan-jawapan yang bagi kami tidak...

Tuan Pengerusi: Tapi dia orang dah biasa buat acara macam ni kan? Tak ada, bukan kali pertama kan?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Yalah. Jadi sepatutnya tidaklah berlaku. Jadi, syor Ketua Audit Negara supaya Jawatankuasa Siasatan dibuat terhadap kes-kes inilah, terhadap kes *improper payment*, dan pihak JPA telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan yang telah memberikan beberapa syorlah. Namun saya dapati tidak ada apa-apa tindakan.

■1150

Kedua, spesifikasi bekalan dan perkhidmatan. Yang ini pun tidak mematuhi peraturan. So, ada unsur-unsur yang boleh dikenakan tindakan tatatertib. Ini pihak Jawatankuasa yang telah ditubuhkan telah mengesyorkan supaya Lembaga Tatatertib mengambil tindakan terhadap seorang pegawai. So dikatakan dalam *AG Dashboard*, mesyuarat akan diadakan pada 24 Mac 2015.

Jadi, itu sahaja daripada saya yang menjadi fokus kepada kajian ini. Terima kasih.

Puan Mona binti Othman [Timbalan Pengarah (Sektor Audit Kerajaan Persekutuan), Jabatan Audit Negara]: *Bismillaahir Rahmaani: Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Selain daripada dua isu utama yang telah dinyatakan oleh Timbalan Ketua Audit Negara sebentar tadi, saya akan *glass through* secara ringkas ya Tuan Pengerusi, isu-isu lain yang telah kita bangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada siri 3/2013 yang lalu.

Pertamanya adalah berkenaan dengan pemilihan lokasilah. Walaupun isu ini agak minor tetapi kita melihat bagi acara yang dilaksanakan oleh pejabat KPK Pahang pada tahun 2011 hingga 2012, terdapat 12 lokasi acara dengan kos pengendalian berjumlah RM5.23 juta telah diadakan di bandar Raub.

Jadi berdasarkan statistik yang kita semak di Pejabat Pelancongan Pahang sendiri, tiada justifikasi yang jelas dan dari segi kedatangan pelancong yang datang ke Raub sendiri – itu merupakan untuk dua tahun yang berkaitan itu hanya menduduki tempat ke-13 dan ke-15 lah daripada 26 daerah yang didatangi oleh pelancong. Jumlah pelancong ke situ hanya 0.4% sahaja, *not even* 0.5%. Walaupun ada kajian dibuat tetapi kajian untuk menunjukkan justifikasi itu hanya dibuat selepas acara selesailah, maknanya pada tahun 2013.

Untuk isu yang berikutnya adalah berkaitan dengan pelantikan kontraktor. Untuk acara ini, kita dapati terdapat satu kontraktor yang telah dilantik secara khususnya untuk melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan perhubungan awam yang mana bila kami semak sendiri kepada dokumen, didapati fungsi kementerian itu sendiri tidak sesuai untuk melaksanakan aktiviti promosi dan perhubungan awam, di mana secara mandatnya tertakluk di bawah Akta 481, Tourism Malaysia adalah agensi yang sepatutnya menyelaraskan aktiviti tersebut.

Berdasarkan kepada perkara-perkara yang kita telah semak, kita dapati, yang pertama, tiada keperluan perolehan bagi melaksanakan projek tersebut dan *needs statement* tidak disediakan. Berdasarkan skop dan spesifikasi kontrak, tiada perincian skop kerja yang telah dibuat dan anggaran hanya disediakan secara *lump sump*. Dari segi perbandingan harga, kita dapati kontrak yang telah dibuat oleh kementerian itu mewakili 910%, maknanya sembilan kali ganda daripada nilai kontrak yang dibuat mengikut nilai bulanan oleh *Tourism Malaysia* sendiri.

Setelah semak silang dijalankan terhadap sebahagian besar skop kerja, kita dapati terdapat persamaan kerja-kerja yang telah dibuat bagi kedua-dua projek tersebut. Untuk output kerja bagi kerja *compile press crippling, provide translation and commercial value to all Visit Malaysia Year 2014 media releases*, kita dapati terdapat persamaan skop kerja sehingga 80% dengan output kerja yang telah dilantik oleh *Tourism Malaysia* terhadap kontraktor *Tourism Malaysia*.

Tuan Pengerusi: Ini *you* siasat ini *you* temui semasa dalam siasatan atau ada...

Puan Mona binti Othman: Semasa pengauditan.

Tuan Pengerusi: Bukan orang bagi *tips off* lah?

Puan Mona binti Othman: Tak, tak.

Tuan Pengerusi: Tak. pasal pelik juga kenapa kementerian hendak lantik *event manager* yang sendiri berasingan daripada *Tourism Malaysia* lah kan. Saya ingat mungkin ada *tips off* kah apa. Tak ada ya?

Puan Mona binti Othman: Tak ada.

Tuan Pengerusi: Okey.

Puan Mona binti Othman: Okey, isu-isu yang berikutnya ini agak minor lah Tuan Pengerusi, tetapi kita masih bangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Untuk sampel yang kita semak bagi sewaan kerusi *banquet* dan makanan, terdapat isu dari segi ketidakselarasan perancangan di mana untuk sewaan kerusi tadi contohnya, kita dapati melebihi jumlah makanan yang ditempahlah. *Percentage* yang melebihi itu adalah di antara 53.9% hingga 300%. Kita merasakan tidak selarilah perancangan antara kedua-dua item tersebut. Ada jadual yang dilampirkan di situ.

Isu berikutnya ialah berkaitan dengan pengisian acara. Sebenarnya apa yang kita bangkitkan di sini ada dua isu sahajalah sebab ini pun kita tak menjalankan kajian. Akan tetapi berdasarkan kaji selidik yang telah dilantik oleh persatuan yang diamanahkan untuk melaksanakan projek FF1M ini, *Fabulous Food 1Malaysia*, kaji selidik itu sendiri yang menyatakan bahawa terdapat ketidakseimbangan dari segi penglibatan kaum. Saya rasa secara *detailnya* ada dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Cuma isu yang kita bangkitkan di sini, selain daripada tidak selaras dengan objektif utama yang ditetapkan oleh kementerian sendiri iaitu memperkenalkan sajian tempatan, kita dapati program tersebut telah memfokuskan kepada memperkenalkan juga juadah-juadah daripada negara lain yang mana tidak selaralah dengan inisiatif asal program. Terdapat sajian makanan Jepun, Korea, Hong Kong, Taiwan dan Barat. Keduanya, dari segi pengasingan gerai-gerai yang ditempatkan sebab kami sendiri turun ke Johor Baru Tuan Pengerusi, kita pun tak lalulah hendak makan, orang kata. Memang dari segi penyediaan sajian itu...

Tuan Pengerusi: Saya tahulah. Akan tetapi untuk isu itu untuk sayalah, *you* tak boleh masukkan *you* punya *personal belief into your report*. Pasal kalau hendak kira bumiputera, Yang Berhormat Tuaran pun Bumiputera juga, tapi dia makan babi juga. Jadi isu pertama itu saya setuju kenapa ada makanan daripada negara Jepun, Korea, Hong Kong dalam Majlis Inisiatif 1Malaysia kan, tapi yang kedua itu / fikir yang itu *you* tak patut *highlight* lahan.

Puan Mona binti Othman: Yes, yes.

Tuan Pengerusi: Ini / punya – pasal apa, kita *just* fokuskan perbelanjaan bajet *and it should be objective and it shouldn't be any personal preference* dalam laporan kita. Sama ada makanan itu halal atau tak halal apa, Taman Johor Jaya itu memang boleh kata penduduk itu 90% Cina lah. *You* hendak halal pun orang kata *target market* orang Cina lah kan.

Saya minta tolong lain kali untuk *report* akan datang, yang personel ini jangan masukkan dalam laporan. Tak nampak cantiklah orang kata Laporan Audit Negara yang patutnya objektif yang tidak ada

apa-apa isulah atau faktor pasal kaum dengan agama inilah. Saya faham kenapa *you* masukkan tetapi soalnya benda ini sepatutnya kita fokus kepada kewangan sahaja. Terima kasih.

Puan Mona binti Othman: Okey. Sebenarnya untuk makluman Tuan Pengerusi, sebelum kita memutuskan untuk memasukkan isu itu, kita mendapatkan *concern* daripada Ketua Audit Negaralah. Ini merupakan laporan dia, so pada hemat dia tidak ada bangkangan, so kami pun itulah.

Tuan Pengerusi: Ini peringkat PAC lah. Saya pun menyuarakan pandangan personel. Saya tak tahu Ahli Jawatankuasa yang lain rasa sama kah tak sama. Akan tetapi untuk saya, perkara macam ini tak sepatutnya jadi fokuslah.

Puan Mona binti Othman: Jadi terdapat dua isu lagi, Tuan Pengerusi. Isu yang seterusnya adalah berkaitan dengan pengurusan keselamatan di muka surat 25.

Bagi Program Pesta Air Labuan yang telah diadakan pada tahun 2011, berdasarkan semakan dokumen, kita dapati lokasi pemasangan bunga api tidak selamat dan dikhuatiri boleh membahayakan keselamatan dan harta benda orang awamlah di kawasan tersebut.

■1200

Ini kerana jarak lokasi adalah kurang daripada 500 meter dari Loji Minyak Shell Timur. Pada masa kita melaksanakan pengauditan memang kelulusan belum lagi diterima dan walaupun kita nampak benda ini kecil tetapi kita takut kalaulah terjadi kemalangan ya yang tidak diingini, ia boleh ditimbulkan daripada pihak awam sendirilah.

Isu yang terakhir adalah berhubung dengan penyenggaraan selepas tamat acara di mana untuk acara Festival Bunga dan Taman Putrajaya 2011 terdapat tiga *fountain* yang sepatutnya dikeluarkanlah ya pada 31 Julai tetapi sehingga 8 Ogos 2011, masih tidak dikeluarkan dan tong yang digunakan untuk mengapungkan *fountain* tersebut merupakan tong yang mengandungi sisa toksik yang berbahaya dan boleh mencemarkan hidupan akuatik yang berada di tasik tersebut.

Tuan Pengerusi: Mereka ambil benda ini daripada mana? Sekarang ini Putrajaya sudah jadi tempat untuk buang sisa toksik kah?

Puan Mona binti Othman: Ya, pada masa kita...

Tuan Pengerusi: Senang betul cari tong untuk sisa toksik untuk nak gunakan sebagai *fountain*.

Puan Mona binti Othman: Sebab benda itu berada di bawah kan. Akan tetapi selepas kita menegur itu, dia dah ambil tindakanlah.

Tuan Pengerusi: Yang / tahu ini Putrajaya dah jadi tempat buang sisa toksik lah ini? Senang betul cari dia punya tong itu.

Puan Mona binti Othman: Kemungkinanlah Datuk. Untuk acara *Royal Pahang Billfish International Challenge*, kita dapati Jeti Pantai Bernas di Kuala Rompin masih belum dibaiki selepas acara tamat sebab acara ini merupakan acara tahunan dan ia menjadi ikonik untuk pelancongan Pahang. So, kita takut kalau berlaku kes kemalangan pada masa akan datang mungkin boleh menimbulkan kepada inilah juga.

Seperti biasa pemantauan terdapat beberapa kelemahan. Yang pertamanya untuk acara yang dilaksanakan bagi sektor pelancongan sebab program ini meliputi pelancongan dan juga kebudayaan. Kita dapati laporan pelaksanaan tidak disediakan untuk sampel acara yang kita semak ini kecuali untuk projek Pesta Air Labuan. Untuk program yang dilaksanakan oleh Sektor Kebudayaan, kita dapati secara umumnya penyediaan laporan pelaksanaan dan perbelanjaan lebih baik daripada Sektor Pelancongan di mana telah disediakan tetapi dari segi penyediaan minit mesyuarat ataupun dokumen berkaitannya tidak dibuat dengan begitu baik. Tidak disimpan dengan teratur.

Selain daripada acara-acara kendalian kementerian, kementerian juga ada memberikan bantuan kewangan untuk projek-projek atau program pelancongan yang dilaksanakan oleh agensi ataupun NGO ya. Akan tetapi, kita dapati tiada garis panduan khusus yang dikeluarkan bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan acara. Jadi saya rasa itu sahaja isu-isu yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 3, 2013.

Tuan Pengerusi: Okey, ada apa-apa pandangan daripada orang lain?

Encik Ali Badaruddin bin Abdul Kadir [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan), Jabatan Perkhidmatan Awam]: Tuan Pengerusi, selamat pagi. Berhubung dengan *improper payment*, pihak JPA kita telah mengadakan Jawatankuasa Siasatan dan kita telah buat siasatan dan daripada laporan siasatan kita telah membuat pertuduhan kepada pegawai-pegawai dari segi urusan pembayaran.

Walau bagaimanapun, mereka semua berjaya membebaskan dirilah dari segi pertuduhan kerana dikemukakan bukti-bukti baucar bayaran, tandatangan dan sebagainya lah yang mana semasa pengauditan dibuat, perkara itu disimpan ataupun tidak didedahkan kepada audit. Itu sahaja dapatan JPA. Lebih kurang 12-30 orang kita itulah jumlahnya.

Tuan Pengerusi: Soalnya mereka buat salah kah tidak buat salah?

Encik Ali Badaruddin bin Abdul Kadir: Berdasarkan laporan audit, wujud kesalahannya, *improper payment*. Akan tetapi apabila pertuduhan dikemukakan kepada mereka, semua pegawai ini bila kita pertuduhkan dia ada *right*, hak dia untuk representasi diri dia. So dalam representasi mereka, dia

membuktikan. Contohnya katalah audit dapati bahawa kerusi 1,000 untuk dibekalkan tetapi dekat *site* tunjuk lebih kurang 200 atau 100. So, dia tunjukkan sebenarnya kerusi ini dekat sini, dekat sini ada 200-300 dalam lori dan sebagainya. Dan jua *event* ini. Katalah contohnya. Audit pun *observe power point* ataupun *plug* itu tak cukup. Ada tiga contohnya. Bayaran tiga tetapi kita tengok *site* dua.

So, dia tunjukkan *scallop* itu terhadang, sebenarnya tiga. Nampak kalau gambar luar dua sahaja. Satu dia, tiga *join*. Benda-benda macam itulah teknikal macam itu. Itulah dia membebaskan...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi kalau resit, kenapa resit dan baucar itu semua tak ada?

Encik Ali Badaruddin bin Abdul Kadir: Semasa audit itu...

Tuan Pengerusi: Tak bukan, bukan. Adakah resit dan baucar itu dibuat selepas dan bukan masa *event* itu berlaku?

Encik Ali Badaruddin bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, yang itu jawatankuasa ataupun JPA kita tidak pergi *beyond* lebih daripada itulah. Kalau tengok tunjuk resit, dia tengok *tally* kan resit-resit tetapi kesahihan resit itu bila di *produce* kan, kita tidak kepada sedalam itulah Tuan Pengerusi.

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin: Nak tanya kalau amalan, kalau nak buat audit memang dia kena bagi semua patutnya ini – tak ada *right* untuk menyembunyikan sebarang dokumen dan sebagainya?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah (Sektor Audit Kerajaan Persekutuan), Jabatan Audit Negara]: *Assalamualaikum* Datuk. Sebenarnya dalam kes ini, baucar bayaran sepatutnya dokumen-dokumen sokongan ini kena ada dan di *attach* semasa pengauditan. Ini *in fact* sepatutnya benda ini ada di *attach*, baru bayaran boleh dilaksanakan. Akan tetapi, benda ini tak ada. Hanya dikemukakan setelah – *in fact* semasa *exit conference* pun memang pun belum ada lagi bersama.

That means setelah jawatankuasa, setelah pertuduhan dibuat baru dokumen dikemukakan. Bagi pun saya kesalahan memang telah ada. Maksudnya siapa yang membuat bayaran kerana dokumen sokongan itu tidak ada. Sepatutnya tindakan dan boleh diambil. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Ini menimbulkan masalah fasal hari Khamis ini PAC akan bantangkan *report card*. Apakah tindakan yang kita dah *recommend* dan selepas itu berbanding dengan apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan ya. Setakat ini pun kita tak dapat makluman apa pun daripada jabatan-jabatan yang berkenaan. MOF pun tak bagi kita apa-apa ini. Ikut Peraturan 304 itu ya. Patutnya MOF kena lapor balik kepada PAC dengan apa tindakan yang telah diambil oleh MOF kepada isu yang telah ditimbulkan oleh PAC.

MOF pun tak buat. Dalam hal ini, ini yang buat rakyat marah ini. Bukan fasal apa. Memang salah. JPA sudah betulkan.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Yang Berhormat, kami tunggu lapan bulan. Lapan bulan daripada *last day auditing* pada bulan Februari 2014 sampai *report* ini di *binding* di cetak ya pada 18.9, gagal mengemukakan dokumen. Lapan bulan kami tunggu.

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin: Maksudnya selepas lapan bulan baru dia...

Datuk Haji Anwari bin Suri: Kalau orang mengandung pun dah nak bersalin...

Tuan Pengerusi: Dia mengandung itu baru keluar baucar itu. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi ya, saya pun rasa segar sedikit kerana lama dah saya nampak. Ini termasuk di Parlimenlah bila ada hidangan apa sahaja nampak tak betul itu. Kalau kita nampak di syarikat besar ini yang ada itu audit yang betul ya, ia tak buat macam itu. Pembaziran berkurang. Jadi tanya pengerusinya dia biasa dengan syarikat besar itu. Macam mana? Kita mesti gunakan kepakaran dia lah itu di situ. Yang Berhormat Kulim pun tahu dah ya. Kena nak gunakan kepakaran dia untuk itu membawa manfaat pada negara.

Macam mana kita boleh adakan SOP yang tertentu di semua peringkat termasuk di Parlimen supaya ada baucar, ada resit dan tidak ada pembaziran yang berlaku. Tiap-tiap kali saya kalau sertai acara pelancong itu, saya nampak "Oh" yang itu paling banyak itu dia ada, *bag* pun ada, apa pun adalah hadiah itu. Habis nampak di dalam itu, nilai pun tak begitu tinggi. Ini mungkin diberi kepada kontraktor. *[Disampuk]* Itu tak ada baucar. Yang Berhormat Telok Kemang pun tahulah dengan syarikat.

■1210

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Saya setuju, setuju. Untuk Laporan PAC, kita guna pakai Laporan Audit. *That's the improper procedure.* Tidak dilakukan mengikut prosedur akaun, *accounting procedures* kan.

Tuan Pengerusi: *The problem now...*

Datuk Haji Anwari bin Suri: Yang Berhormat, mungkin kita boleh tanya Akauntan Negara, prosedur *payment*. So bila hendak *submit* bayaran, mesti ada *supporting document*.

Tuan Pengerusi: Tak, itu memang sudah jelas. Prosedur *internal control* oleh AG memang kata mesti ada baucar. Bila hendak bayar keluar cek mesti ada baucar. Itu memang *clear*.

Tapi sekarang ini masalahnya JPA sudah mendahului kita ini. Dia sudah *clear*-kan mereka yang terlibat ini berdasarkan kepada siasatan mereka. Akan tetapi, itu yang saya hairan, prosedur kerajaan ditentukan oleh JPA juga kan? Oleh Kewangan lah. Oleh kerajaan kan? Tapi bila JPA buat siasatan,

mudah sahaja JPA tak lihat pada zahirnya sama ada peraturan itu sudah dilanggar atau tidak tapi lebih mendengar kepada pembelaan pegawai yang telah disalahkan itu, dia boleh keluarkan *voucher after the fact*, dia boleh terima senang sahaja alasan mereka. Akan tetapi, hakikatnya peraturan Kementerian Kewangan tidak dipatuhi pada masa Audit masuk itu. Jadi ini masalahnya bila JPA pun sudah mendahului PAC.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Tak apa. Kita akan kata *you* salah tapi *you* sudah *clear*-kan mereka.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Ini dua perkara yang berasingan. Satu, *accounting procedure* yang tidak dipatuhi. Yang kedua, tindakan itu, itu soal lain. Itu mereka hendak gunakan cara mana nak pertahankan diri dia, itu soal lain. Yang penting ialah *accounting procedure* tidak diikuti. Ini kalau melibatkan sedikit-sedikit ini tak apa, kalau melibatkan berjuta-juta? Orang yang dituduh bersalah, dia akan OKT ya. Dia akan menggunakan segala apa pun hendak mengelakkan untuk didakwa. Tapi *accounting procedure* yang kita tumpukan hari ini dan setiap masa ini, harus dipatuhi. Dan ini berlaku tiap-tiap kali kita bersidang ini. Saya rasa dah tiba masanya Tuan Pengerusi, kita kena buat ketetapan yang betul berkenaan dengan *accounting procedure* ini.

Macam acara yang ada di Kementerian ini, *is regular yearly. They must have an SOP, they must have a checklist. A simple amount* macam ini pun tak boleh hendak buat *accounting* yang betul, apa lagi kita harapkan pada yang melibatkan jumlah wang yang besar-besar. Jadi jangan kita diketawakan orang lah. Oleh kerana dia lepas dakwaan, *that means the accounting procedure is acceptable. No, that's not acceptable. It's not acceptable.*

Tuan Pengerusi: Sepatutnya macam isu FELCRA ini pun ini masalah ini. Bila kesalahan itu sudah dibuat tapi apakah tindakan yang akan diambil kan? Jadi isu macam ini saya minta JPA, Encik Ali, tolonglah bawa balik kepada bos *you* cakaplah kan. Kalau kita tak setuju dengan tindakan yang diambil oleh JPA, PAC akan cakap. PAC tak akan terima apa tindakan yang telah diambil oleh pihak JPA dalam isu-isu seperti inilah di mana pelanggaran tatacara yang ditentukan oleh Kementerian Kewangan itu sendiri sudah jelas tapi *you* orang boleh senang sahaja lepaskan orang berdasarkan kepada *representation* yang dia buat sewaktu kes disiplinnya dipanggil.

Encik Ali Badaruddin bin Abdul Kadir: Saya ambil maklum Tuan Pengerusi, dan benarkan saya untuk memberi sedikit penerangan. Kita mengambil tindakan di bawah tata tertib, maknanya pertuduhan yang kita buat atas Laporan Jawatankuasa Siasatan yang ditubuhkan, *cross ministry* lah, dan juga daripada itu kita buat pertuduhan. Masalah kita, kita untuk *craft* pertuduhan adalah sesuatu yang

technical. Selalunya *be specific*. Sebagai contohnya pada masa itu dia bertugas di situ, jawatan dia, tanggungjawab dia, kerja dia adalah untuk itu dan ini. So kita tengok di mana pelanggaran dia.

Bagi kes ini, pelanggaran dia maknanya tiada semakan ataupun tiada dokumen sokongan semasa pembayaran dibuat. So kita tuduh dia berdasarkan pemerhatian Audit. Memang Audit kata tak ada dokumen sokongan, jadi kita tuduhlah. Akan tetapi apabila dia dalam pembelaan diri dia, representasi dia, dia mengatakan ada dokumen sokongan, ini tanda tangan orang yang menari, ini bilangan dia, dikemukakan. Jadi berdasarkan itu sahaja Tuan Pengerusi, kita ambil maklum lah *observation*.

Tuan Pengerusi: Tetapi kalau kita buat *after the fact, to cover up the original mistake*.

Encik Ali Badaruddin bin Abdul Kadir: Ha, yang itu lah...

Tuan Pengerusi: *That is not acceptable*.

Encik Ali Badaruddin bin Abdul Kadir: Yang itu lah yang saya ambil maklum, yang pandangan Tuan Pengerusi itu.

Tuan Pengerusi: Satu lagi. Di negeri lain, kalau apa-apa berlaku, bos dia, KSU dia selalu yang akan berhenti, akan letak jawatan apa semua. Akan tetapi di Malaysia ini saya dapat tahu bahawa apabila KSU kata saya diberikan maklumat salah oleh pegawai bawah, pegawai bawah yang kena, bukan ada yang naik pangkat.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Jadi ini satu perkara juga yang JPA kena lihat untuk *review* semula *you* punya peraturan. Kalau begini, ia tak ada orang yang akan dipertanggungjawabkan. Semua akan dilepaskan sahaja oleh JPA. Selepas itu kalau ada *black mark* dalam dia punya rekod perkhidmatan dia, *means nothing* lah. Dia akan dinaikkan pangkat juga walaupun ada *black mark* dalam rekod kerja dia.

Kementerian Kewangan pun kena tengok ini. Ini peraturan Perenggan 304B Arahan Perbendaharaan. Ini saya ada ini. "*Menetapkan bahawa tindakan-tindakan berikut perlu diambil selepas Laporan Mesyuarat Jawatankuasa PAC dibentangkan di Parlimen*". Dia tak buat lagi sampai sekarang. Kita sudah dua tahun, hampir dua tahun kita mesyuarat, tak ada lagi laporan tindakan susulan daripada Kementerian Kewangan terhadap syor-syor yang telah dikemukakan oleh PAC. Sebab itu Ketua Menteri Pulau Pinang panggil kita PAC ini *toothless, toothless tiger*. Tak ada taring.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi ya.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Bukan *toothless*, pakai gigi palsu. *[Ketawa]*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Tak, tak. Gigi palsu pun longgar. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi ya. Itu saya hendak tanya Datuk ya, apakah kekurangan kakitangan di dalam Jabatan Audit sekarang ini lah? Berapa orangkah kurang?

Datuk Haji Anwari bin Suri: So buat masa ini, peringkat sekarang ini boleh memadailah dengan staf yang ada. Cuma, ada bidang-bidang baru yang kita perlu lihat seperti bidang *forensics*. So, yang ini *insya-Allah* lah, pihak *Treasury* dengan JPA sedang dalam proses untuk memberi kelulusan. *Insya-Allah*.

Dr. Tan Seng Giaw: Berapa orang? Berapa ratus?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Kalau bagi ramai pun okey. Sekarang yang jadi *auditors* 1,600 lah. Cuma, *trend* akan datang ini, dalam tempoh dua tahun, saya rasa dekat 100 orang akan bersaralah. Terima kasih.

Datuk Madius bin Tangau: Tuan Pengerusi, dalam banyak yang kita dengar laporan itu kan, yang terlebih bayar. *Remember, we went across* terlebih bayar, terlebih bayar. Bagaimana perkara seperti itu boleh berlaku? Tidak pernah yang terkurang bayar, mesti terlebih bayar. Tetapi kalau terlebih bayar, *we must be shown certain records and things like that*. Jadi yang macam itu pun satu kesalahan kan, *because the amount* bukan kecil. So itu satu.

Kedua, dia *very clear cut case* yang tak perlu lagi disiasat. *It should be a subject for SPRM* kan. Hari itu sudah disebut. Saya ingin tahu lah setakat ni yang selepas kita punya hasil daripada siasatan PAC ataupun selepas pendedahan Audit dan sebagainya, berapa kes yang telah diambil oleh SPRM? Kalau tidak, betullah, kita ini gigi ini lah, *toothless*. *So it becomes no meaning*. So sekarang ini dengan tiga siri Laporan PAC, kita pun hari-hari mesyuarat, *so the expectation of the people become higher* lah *because now we are doing more and more*.

■1220

So kalau dia berterusan macam ini, balik-balik macam ini, *it's become meaningless*.

Encik Ali Badaruddin bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, laporan kepada PAC bagi pihak JPA kita akan kemukakan *immediate* selepas hari ini lah. Makna hari ini *reveal* oleh KSN, *only after that* kita akan laporkan. Saya dah maklumkan *last month* juga kepada KSN sendiri akan pemerhatian PAC, kita akan laporkan pertuduhan dan sebagainya. Begitu juga dengan kes SPRM, sebagai contoh dalam audit 2014 ini Siri 1 ada satu yang di bawah SPRM. Yang lepas pun ada, masih macam beras sah itu, memang masih di bawah SPRM. *[Disampuk]* Yes. Bukan, beras padi sah itu. *[Disampuk]* ST15 bukan, beras padi sah sahaja yang baucar bayar itu, itu masih SPRM, yes. Dan sebelum itu pun masih ada SPRM, kita akan maklumkan pada Datuk Seri lah *by tomorrow* sebagai contohnya untuk membantu, kita akan sediakanlah *immediate* nanti.

Datuk Madius bin Tangau: Yang beras itu, jadi *two days ago* di Sabah, ada satu dia punya *distributor*, saya ingat dia dapat kuota lah. So, dia *headline* di surat khabar di Sabah, mengatakan pandangan PAC ini tak betul. Yang mengatakan *that is not* – dia tidak memenuhi sasaran dan sebagainya, kita tidak ada SOP apa semua.

First, kita tahu apa yang dia cakap itu tak betul. *It has already been sold in the report and all this*. Tapi *what do we do with this kind of people, coming up in the paper*, mengatakan ini PAC tak betul ini. Pandangan PAC tak betul. [Disampuk] The Menteri pun cakap.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Menteri cakap. Kedua, persatuan beras seluruh Malaysia ini pun bercakap. Padahal kita tahu bahawa di bawah itu memang tak ada beras.

Datuk Madius bin Tangau: Tak pernah nampak di restoran...

Tuan Pengerusi: Sebab itu saya buat *statement* itu selepas dapat taklimat daripada KSU. Menteri itu hari kata, dalam *interview* Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, dia kata, isu ini yang dipanggil ialah isu benih padi. Tapi kenapa isu ST15 pula yang dibesar-besarkan? Saya dah cakap dalam *press conference* sebelum itu tetapi tak dibawa oleh *press*. Saya cakap audit dah buat dah tahun 2011. Sekarang ini buat ulang audit untuk tahun 2014. Tetapi 2011 punya kelemahan belum lagi dibetulkan, tapi program dia diteruskan lagi. Tetapi nampaknya ada macam di media biasa ini, nampak macam PAC ini kena *attack* lah. PAC ini, apa yang saya cakap tak keluar, tapi apa yang Menteri cakap lain. Menteri kata nak teruskan. Jadi untuk saya, kita cakap itu hari pun selepas kita tanya KSU juga. Dan KSU mengaku bahawa memang tak ada SOP dan tak sampai ke bawah. Saya dah sebut itu hari...

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, inilah masa untuk Pengerusi berulang kepada pihak itu media itu. Kena berulanglah itu.

Tuan Pengerusi: Semalam pun dia tanya lagi, saya jawab sama macam saya jawab itu hari. Tetapi yang ini tak keluar lagi. Saya kata memang audit dah siasat tahun 2011, empat tahun dahulu. Dan sekarang ini buat ulang audit, sebab itu audit *update* pada kita PAC itu hari, dan KSU dengar dan KSU jawab. Ini KSU barulah, patutnya yang jawab KSU lama. Tapi KSU baru sendiri mengakui, tapi benda itu tak dikeluarkan dalam akhbar media arus perdana lah. Tapi tak apa lah, dalam isu ini untuk saya, saya cakap semalam pun, kita audit kita tengok benda-benda tak betul, kita kata tak betul. Tapi keputusan nak teruskan subsidi ST15 itu terpulang kepada Menteri lah. Terpulang pada dia, tapi kita kata ada masalah dengan yang tak betul mengenai dengan pegawai tersebut. Tapi kalau dia teruskan juga, dia teruskan lah, bukan?

Untuk saya, walaupun datang dari parti yang sama, tapi benda orang kata tak betul, tak betullah. Dia nak pertahankan, dia pertahankanlah. Tapi apa yang timbul soal beras ST15 ini datang daripada laporan *update* Datuk Anwari itu hari, Jabatan Audit Negara kepada kita, depan KSU. Dan KSU jawab, jadi bukan kita timbul-timbulkan suka-suka sahaja. Dan lagi satu bila isu ini sensitif sangat, yang ceritanya pemborong, jadi kita pun faham-fahamlah.

Datuk Madius bin Tangau: Itu saya fikir perlu diperbetulkan. Macam kalau di Sabah, *headline*, jadi muka depan besar, bercakap macam itu lagi. Lepas itu, ada lah benda isu lain macam kuota lepas 10,000 metrik tan, yang dibagi setengah sahaja, *and all these kind of things, you know*. Memang ada kelemahan lah, dia sebut kelemahan tapi yang nafikan kita punya ini, laporan audit, dibincangkan di sini. Tapi kita tahu pun, *on the ground* memang kita tahu dia memang bermasalah. Tidak sampai...

Tuan Pengerusi: Tak, yang pentingnya sekarang ini audit sedang menjalankan ulang audit isu ini. So, bila audit siap nanti, baru kita tengok dia punya – kalau ulang audit lah ye, kalau saya lah jadi Menteri, diulang audit kata ada kelemahan lagi. Terus teranglah, bukan? Dia berhenti ke, berhenti program ini? Berhenti program, bukan dia berhenti. Okey lah, tapi maknanya nanti jadi isu. *[Disampuk]* Tak, tak, tak, Laporan Ketua Audit Negara, bukan kita. Saya nak duduk sini. *[Ketawa]* *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Saya daripada pihak kerajaan, saya bimbang yang teguran macam itu pun, dia tak ambil berat. Sekurang-kurangnya dia patut bersetuju untuk tiga bulan, sehingga audit selesai. Sebab benda yang kita bagi tahu ini macam Tuan Pengerusi kata, sasaran tak sampai.

Kedua, dia bukan untuk membantu usahawan. Macam yang saya tengok Persatuan Beras dia kata, pemborong akan gulung tikar bila program ini dihentikan. Kita bukan nak tolong usahawan, kita nak bagi subsidi RM700 satu tan itu sampai ke bawah, sasarannya.

Tuan Pengerusi: Itu hari saya tanya KSU, saya cakap kalau nak tolong usahawan, tukar *title* program ini pergi *title* program subsidi nak bantu usahawan. Tapi *title* program ini adalah program subsidi beras ST15 untuk rakyat termiskin.

Jadi, tak apalah perkara ini – saya nak maklumkan pada jawatankuasa PAC, itulah dia masalahnya. Media arus perdana memang nampak ada menahan apa yang saya cakap itu. Tapi media *online*, dia tak tahan, dia keluar. Ini masalah dalamanlah. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Ini dah masuk isu lain dah. *[Ketawa]* Sekarang kita balik semula pada isu *tourism*. *[Ketawa]*

Encik Rosli bin Yaakub: Tuan Pengerusi, saya hendak bagi penjelasan tentang ada dua isu. Yang pertamanya, AP 304. *Actually* AP 304 ini menjelaskan bahawa apabila PAC selesai mengadakan prosiding, dan juga membuat syor, syor itu perlu dihantar kepada pegawai pengawal, *which is* KSU lah. Kalau kita panggil, MOA, MOA lah. MOA sebagai pegawai pengawal perlu menghantar apakah tindakan penambah baikkan *based on* ulasan PAC kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Itu ikut 304 lah.

Jadi cumanya prosesnya saya ingat, dia kalau sebelum ini kita terlepas pandang, *I mean* PAC, mungkin kita elok bagi kepada pegawai pengawal berserta dengan surat *official letter* mengatakan tindakan perlu diambil dan perlu melaporkan kepada KSP *based on* 304. Itu satu, Tuan Pengerusi.

Yang keduanya ialah berkaitan dengan audit untuk kes hari ini ya. Sebenarnya seperti mana yang Datuk Anwari katakan tadi, sebenarnya audit telah pun meminta resit-resit dikemukakan semasa mereka mengaudit kes ini. Tetapi ini bersesuaian dengan AP 305 dan AP 306. Memang menghendaki bahawa semasa audit masuk, pegawai hendaklah mengemukakan segala dokumen yang diminta oleh audit. Itu 306 cakap, AP 306.

Tetapi dalam kes ini, nanti mungkin PAC boleh tanya kepada KSU yang kenapa dia gagal untuk memastikan pegawai dia mengemukakan dokumen-dokumen berkenaan sehingga saya sendiri hadir dalam beberapa prosiding yang dibuat oleh audit bersama dengan kementerian.

■1230

Dan memang terbukti bahawa sehingga *exit conference* dan sehingga Jawatankuasa Siasatan di JPA, saya pun ada di dalam itu, sehingga itu mereka masih gagal lagi mengemukakan resit. Sehingga hari *presentation* mereka untuk tindakan tatatertib oleh JPA, mereka baru mengemukakan resit *which is* dalam AP 305 dan 306 tidak boleh. Semasa Audit pergi pantau, mereka pada masa itu perlu mengemukakan resit atau apa-apa dokumen berkaitan. Jadi sebenarnya, ya lah, kalau ikut arahan ini, sebenarnya mereka telah pun tidak mematuhi AP lah sebenarnya. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Sekejap lagi kita boleh tanyalah pasal AP 304, 305, 306, kan. Maknanya...

Datuk Haji Anwari bin Suri: Tuan Pengerusi. boleh tambah sedikit? So sebagai akauntan, macam mana dia boleh bayar? Macam mana *payment* boleh lepas?

Tuan Pengerusi: Dekat kementerian.

Encik Rosli bin Yaakub: Saya pernah mengemukakan – begini cara-cara dia. Dia ada sistem dia bayar ini. Dia dalam kes ini, pegawai yang berada di *site* yang monitor khemah yang dipasang dan sebagainya bukan pegawai yang meluluskan pembayaran. Sepatutnya pegawai ini melaporkan kepada pegawai yang meluluskan bayaran sekian khemah telah dipasang, tandatangan, boleh bayar. Akan tetapi

perkara ini saya tidak tahulah berlaku atau tidak. Mungkin tak berlaku. Jadi dia teruskan buat pembayaran. Saya tengok memang ada asas bila Jawatankuasa Tindakan ini membuat siasatan tetapi akhirnya terlepas juga.

Tuan Pengerusi: Sebab itu yang datang di dalam kepala saya, JPA punya *internal control*, Perbendaharaan punya *internal control* ini, cara *you* monitor *you* punya tatacara pegawai memang sengaja buat *loophole*. Kalau dekat komersial, sudah mampus sudah pegawai ini semua. Kena buang kerja sudah. *[Disampuk]* Tak, tak, tak. Tak susah.

Sekarang ini rakyat kata buat salah macam mana pun pegawai kerajaan, lepaslah. Perangai yang ditunjukkan oleh pegawai kementerian sekarang ini nampak sangat macam tak hormat Audit, tak takut Audit langsung dan sampai perkara ini sudah dibawa ke dalam PAC, selepas itu telah bawa ke JPA, dia orang tetap lagi buat tak tahu. Pasal, *last* sekali dia kata apa susahnyanya. Alih-alih timbulnya resit ini, kita boleh terangkan di tribunal, tribunal kata, oh, ada ya, okeylah. Tribunal sendiri pun tak baca Arahan 305, 306. Itu yang saya takut.

Perkara ini jangan sampai saya buat *press statement* kah, saya buat *interview* nanti saya sebut. Dah lah saya ini banyak musuh, selepas ini orang kata entah-entah kereta masuk longkang kah – bukan longkang, masuk parit besar, masuk laut. *[Ketawa]*

[Berbincang sesama ahli tanpa menggunakan pembesar suara]

Encik Rosli bin Yaakub: Yang *responsible is* pegawai pengawal.

Tuan Pengerusi: *In many other countries* apa semua, *the KSU will take responsibility for anything*. Dia tak boleh lepas daripada tanggungjawab tersebut. So saya minta maaflah kalau selepas ini *reporter* tanya saya kah, apa kah, saya hendak cakap apakah pasal hal ini walaupun akan menimbulkan... *[Disampuk]* Tak, saya hendak *close the gap between* persepsi rakyat dengan realiti sebenar. Realitinya *the gap is closing*. Akan tetapi rakyat dengan satu dua isu macam ini yang diambil sambil lewa sahaja, dah rakyat kata tak ada apa-apa yang dibuat.

Jadi ini saya rasa kita terus sampaikan balik kepada KSN, kepada KSP. PAC serius pasal hal ini. PAC akan bercakaplah mengenai isu ini sampai ada dia punya penyelesaian.

Ada apa-apa lagi nak tambah? Kita berbalik semula pada isu kementerian ya. Kalau tak dapat apa-apa lagi, panggil dia masuk.

[Saksi-saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Yang saya hormati Datuk Dr. Ong Hong Peng, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; Yang Berbahagia Datuk Haji Ab. Ghaffar bin A. Tambi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan); dan Yang Berbahagia Datuk Rashidi bin Hasbullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan). Selamat datang ke mesyuarat PAC kita pada pagi ini.

Tujuan prosiding kita pada pagi ini ialah untuk mendengar penjelasan daripada pihak Kementerian mengenai pengurusan pengendalian acara di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang menyentuh kepada beberapa acara yang telah diadakan. Saya rasa Audit telah buat audit pada 10 majlis yang dibuat oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan telah mendapati bahawa ada kelemahan-kelemahan dalam pengurusan acara tersebut.

Antaranya – mula-mula saya minta maaf. Tadi kita mula lambat pasal anggota PAC kita tadi pun lambat datang pasal malam semalam Dewan Rakyat habis sampai pukul 2.30 pagi hendak meluluskan Akta POTA kita. *[Disampuk]* Luluskan. Ish, sudah lulus masih kata tolak lagi. *[Ketawa]* Jadi pagi tadi kita mula lambat. Memandangkan masa sudah kurang, kita minta Datuk untuk hendak fokus kepada isu-isu yang beratlah yang telah diutarakan oleh audit ya.

■1240

Antaranya adalah seperti pelantikan konsultan perkhidmatan perhubungan awam yang lain. Maknanya kementerian lantik satu berlainan dengan syarikat dilantik oleh Tourism Malaysia. Kenapakah perkara itu berlaku kerana sepatutnya Tourism Malaysia melaksanakan sepenuhnya pengurusan pelantikan agen acara inilah untuk buat acara ini.

Selepas itu soal *improper payment* yang dibuat tanpa menggunakan baucar dokumen sokongan. Perkara ini telah dibawa oleh audit. Ketiga adalah mengenai penentuan lokasi tempat yang telah ditentukan oleh kementerian iaitu satu acara di Raub yang tidak kukuh alasan yang telah diutarakan oleh kementerian untuk menjawab isu itu dan isu pemantauan lah kepada acara ini. Nampak macam acara-acara ini semua banyak *last minute*, ia tak teratur dia punya pengurusan dan sebagainya lah.

Jadi saya rasa Datuk dah biasa datang ke PAC kan? Masa PAMPENA dulu Datuk dah biasa datang, bukan?

Datuk Dr. Ong Hong Peng [Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan]: Ya, sekali. Ini kali yang kedua Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Jadi Datuk dah tahu lah kita punya operasi macam mana. Saya akan minta Datuk untuk bagi taklimat. Kalau Ahli-ahli PAC kita rasa perlu ada pencelahan masa Datuk bagi taklimat, saya rasa saya biarkan pada ahli. Akan tetapi kalau ahli-ahli rasa nak tunggu sampai Datuk habis baru kita tanya soalan pun boleh. Kalau ada perkara sensitif Datuk yang tak nak masuk *hansard*, tutup *mic*. Kalau nak direkodkan dalam *hansard*, buka *mic*.

Jadi selain daripada itu tak ada apa-apa yang nak tambah lagi, jadi saya minta Datuk untuk berikan taklimat Datuklah mengenai isu ini. Terima kasih.

12.42 tgh.

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Selamat tengah hari, salam sejahtera, salam1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) yang saya muliakan. Saya dengan penuh takzim akan membentangkan maklum balas Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ke atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 3, tahun 2013 bagi perkara-perkara yang melibatkan pengurusan pengendalian acara.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi, acara-acara yang telah dilaksanakan pada tahun 2011 hingga tahun 2013 telah dilaksanakan dengan jayanya dan telah mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kementerian ini. Saya ingin memaklumkan bahawa penemuan audit juga telah memperakui kejayaan dan pencapaian acara-acara tersebut seperti yang dicatat dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 3, tahun 2013, perkara 22.5 di muka surat 532 yang berbunyi seperti berikut; "*Pengendalian acara kementerian telah berjaya mencapai Key Performance Indicator dengan izin, yang ditetapkan dan menarik pelancong.*"

Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pasukan audit yang telah melaksanakan tugas mereka dengan penuh dedikasi. Sesungguhnya penemuan-penemuan yang telah dibangkitkan telah dapat membantu pihak kementerian memperkemaskan lagi pengurusan pengendalian acara. Saya ingin menerangkan bahawa penemuan-penemuan tersebut pada keseluruhannya tidak terdapat isu-isu yang bersifat *major*.

Penemuan-penemuan tersebut lebih kepada penambahbaikan, tambahan yang bersifat *administrative* atau *corrective* dan boleh dilaksanakan bagi memastikan pengurusan pengendalian acara menjadi lebih terperinci dan mantap. Kementerian ini juga ingin menekankan bahawa tatacara pengendalian acara serta peraturan kewangan semasa telah dipatuhi selaras dengan arahan dan pekeliling perbendaharaan yang berkuat kuasa.

Seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Datuk Pengerusi, pembentangan memang saya menyediakan secara keseluruhannya. Oleh sebab dari segi untuk memberi fokus kepada aspek-aspek empat perkara yang telah dibangkitkan, perkara yang perlu penjelasan lanjut dari kementerian, saya akan dengan izin Yang Berhormat Datuk Pengerusi supaya mungkin dari segi persembahan *slide* itu mungkin akan pergi ke...

Tuan Pengerusi: Mana yang tak...

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Tak ikut susunan lah. Tak ikut susunan.

Tuan Pengerusi: Boleh lompat-lompat tak apa.

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Okey.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih.

Datuk Dr. Ong Hong Peng: So, boleh kita terus kepada *slide* nombor lapan di mana fokus ialah tentang pemilihan tapak lokasi iaitu acara pemilihan bandar Raub. Mengikut pemerhatian audit, 12 acara telah dijalankan dalam tempoh yang diaudit dengan peruntukan RM5.23 juta. Dari segi maklum balas kementerian, pemilihan bandar Raub itu adalah berdasarkan satu inisiatif yang dikatakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau dengan izin, *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) di mana ia merupakan satu kerjasama strategik di antara komuniti tempatan NGO seperti Persatuan *Homestay* dan agensi-agensi kerajaan supaya kita dapat membangunkan bandar Raub itu sebagai destinasi pelancongan baru.

Ini adalah berdasarkan *Raub Integrated Tourism Development Blueprint* lah di mana *front cover* itu ada di dalam skrin. Ini adalah juga berkait rapat dengan hala tuju kementerian untuk menyambungkan dari segi *trail* pelancongan dari Genting ke Raub dan juga ke *Eastern Corridor*. Jadi ini satu projek perintis iaitu pelancongan laluan pantai timur. Di antara produk-produk yang dibangunkan di bandar Raub antaranya selain daripada *homestay* adalah *Parks and Garden* dengan izin, dan juga acara-acara seperti acara yang membangunkan *Parks and Garden* dan juga tentang 1Malaysia Green, 1Malaysia Clean iaitu satu Strategi Lautan Biru Kebangsaan.

So, itu untuk memberi penerangan, kementerian tentang pemilihan bandar Raub. Dari segi *improper payment*, saya ingin merujuk kepada *slide* 13 ya. *Improper payment* ini adalah berkaitan dengan pemerhatian audit iaitu pembayaran tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Salah satu perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara adalah tiada bukti sijil pengesahan bekalan atau perkhidmatan di tapak.

Misalnya di Citrawarna. Kalau kita lihat di dalam skrin, adanya senarai semak dokumen bayaran di mana adanya *invois* perdagangan, bon pelaksanaan, salinan surat setuju terima, sijil pengesahan

perkhidmatan. Ini sijil pengesahan perkhidmatan adalah secara keseluruhannya di mana ada pengesahan di mana secara keseluruhannya terma dan spesifikasi bekalan dan perkhidmatan telah dibekalkan. Itu secara keseluruhannya ada pengesahan dibuat.

Apa yang ditekankan dari segi salah satu penambahbaikan adalah perlunya sijil pengesahan bekalan perkhidmatan di tapak. Misalnya di Citrawarna atau di acara-acara lain. So, untuk maklum balas kementerian, pembayaran adalah mengikut terma kontrak. Jadi semasa proses bayaran, ini adalah senarai semak dokumen bayaran yang telah pun dilakukan supaya bayaran adalah mengikut tatacara kewangan semasa.

■1250

Namun demikian, terdapat perkara-perkara yang masih boleh diperbaiki lagi dan dengan izin, pada bahagian akhir, kementerian ingin menyampaikan penambahbaikan yang telah dilakukan. Jadi ini berkenaan isu....

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Boleh Tuan Pengerusi, saya bertanya? Apakah ini satu amalan apabila kita membuat pembayaran, sijil-sijil ini ataupun dokumen-dokumen ini tidak perlu disertakan untuk menyokong bahawa bayaran boleh dibuat sewaktu – ataupun hanya mengandaikan bahawa dokumen ada tetapi ia terletak pada tempat lain?

Tentang Audit mempersoalkan kalau tak adanya dokumen-dokumen berkenaan apabila dibuat itu, walaupun dikatakan ada tetapi ia berada di tempat lain, ini tidak mengikut peraturan *accounting procedure* lah ya, *for accountability purposes*. Jadi, *that is not acceptable*. Itu teguran Jabatan Audit dan saya ingat saya tak setuju kalau tak disertakan, walaupun ada tetapi tidak disertakan waktu membuat pembayaran, dan ini satu amalan yang tidak mengikut prosedur yang sebenar. Itu pandangan saya.

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Terima kasih. Bagi setiap bayaran, semua dokumen dikepilkan bersama dan disemak oleh akauntan sebelum pembayaran dibuat. Jadi apakah yang disenaraikan dalam senarai semak telah disemak dan ada pada pemeriksaan sebelum bayaran dibuat. Jadi kalau kita lihat pada *link slide* – boleh kita pergi ke *link slide*. Ini ada misalnya *invois*. Selepas itu, *next*, Surat Setuju Terima. Jadi ini adalah *checklist* dokumen yang diperlukan dan mengikut....

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Memang ada dokumen tetapi sewaktu Jabatan Audit mengadakan audit, kenapakah tidak ada dokumen-dokumen ini disertakan bersama waktu diaudit dahulu?

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Terima kasih ke atas soalan. Semasa audit kementerian, dokumen itu ada pada unit atau bahagian kewangan. Apa yang mungkin berlaku adalah semasa audit itu, pegawai

yang tidak menunjukkan dokumen-dokumen itu. Akan tetapi pada asalnya semasa sebelum bayaran dibuat, memang ada dokumen.

Tuan Pengerusi: Soalnya Datuk, daripada segi prosedur kerajaan, Arahan Perbendaharaan 305 dengan 306, apa-apa pembayaran dibuat perlu disertakan dengan dokumen sokongan. Jadi bayaran itu dibuat tanpa ada dokumen sokongan itu, itu yang menjadi *improper payment*. Bila Audit masuk, Audit mendapati bahawa perkara ini berlaku lah. Dan masa *exit conference* pun, sampai masa *exit conference*, kami dimaklumkan oleh Audit tadi, lapan bulan selepas itu pun, dokumen-dokumen sokongan ini tidak dikemukakan kepada Audit. Jadi kalau dokumen sokongan ini tidak dikemukakan untuk menyokong pembayaran... Tambah lagi, isu ini dikenal pasti oleh Audit dan selepas Audit sudah kenal pasti perkara ini pun masih tak dikemukakan dokumen ini. Walaupun Datuk kata tadi, ada dokumen ini tetapi tak dikemukakan sewaktu, satu, pembayaran dibuat, kedua, sewaktu Audit sudah masuk pun tak dikemukakan. Jadi ini melanggar Arahan Perbendaharaan 305 dan 306 yang menyatakan apa-apa bayaran yang dibuat kepada pembekal mesti disertai dengan dokumen sokongan seperti baucar dan sebagainya untuk pengesahan.

Jadi apa komen Datuk tentang isu ini?

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Semasa *exit conference* juga ada disebut tentang dokumen sokongan yang tidak lengkap. Apa yang disenaraikan dalam *slide* tadi, senarai semak, sebenarnya semasa kita diaudit, kita memang ada dokumen tersebut.

Tuan Pengerusi: Audit, kementerian kata ada, *you* kata tidak ada.

Puan Mona binti Othman: Boleh saya bercakap? Kalau merujuk kepada *slide* yang dilampirkan ini, semua perkara-perkara ini kita telah ambil kira, Tuan Pengerusi. Kalau dilihat daripada pemerhatian Audit yang dibangkitkan, lebih banyak isu yang kita bangkitkan tetapi setelah mengambil kira proses *pre-exit*, *exit*, dan perbincangan selepas itu, hanya isu-isu yang masih kita belum puas hati yang masih kita bangkitkan. Kami juga telah membuat analisa berdasarkan jawapan-jawapan yang diterima, memang perkara-perkara yang kita bangkitkan itu adalah disebabkan ketiadaan butiran yang terperinci, pengesahan kerja dan sebagainya. Macam contoh yang dilampirkan di sini macam senarai semak dan sebagainya, itu adalah memang dokumen yang wajib disertakan masa pembayaran Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan (SPKB).

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Saya cuma hendak tanya Datuk sebab kita ingat waktu kita berjumpa dengan Kementerian Belia dan Sukan dahulu, dia kadang-kadang *event* ini masalahnya bila cara pembayaran, *especially event* macam ini. Akan tetapi memandangkan kementerian ada terlampau

banyak *event*, apa bentuk bayaran selalunya? Adakah kita serahkan kepada kontraktor dan kontraktor inilah bertanggungjawab untuk selesaikan semua, dia *claim* daripada kerajaan, kerajaan akan bayar satu bayaran penuh ataupun ada juga *special slush fund* ini, yang kita beri kepada pegawai-pegawai untuk melaksanakan program ini? Itu mungkin juga yang mengakibatkan apabila kita hendak bayar esok, *supporting document* itu kita akan ada masalah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kulim tadi kata apa, *slush fund*?

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Petty cash*. [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Tak ada, cuma hendak betulkan *statement* itu. *Slush fund* maknanya lain. [Ketawa]

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *I meant petty cash*. *Petty cash* yang ada diberikan kerana apa sahaja lah, untuk hendak bayar *cash* lah, hendak menguruskan *event* itu. Adakah itu juga cara yang kementerian buat?

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita menggunakan kaedah di mana perolehan biasa mengikut tatacara kewangan. Jadi, membayar melalui *cash* tidak dipraktikkan. Jadi apa yang diperlukan adalah di mana seperti ikut tatacara kewangan, sebelum pembayaran, perlu ada senarai semak. Akan tetapi, yang daripada segi penambahbaikan, ada perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Audit, kita juga telah mengambil kira untuk supaya senarai semak yang lebih terperinci dilakukan. Jadi secara kasar..

Tuan Pengerusi: Ya Datuk. Soalnya sekarang ini, penambahbaikan itu kita terima tetapi apa yang berlaku ketika itu, bila dokumen sokongan tidak disertakan dan dia melanggar Arahan Perbendaharaan 305, 306 dan 307. Jadi isunya, *you* kata dokumen sokongan itu ada, Audit kata tak ada waktu pembayaran dibuat dan waktu audit dibuat. So sekarang ini kita nak *clear*kan ini, siapa yang sebenarnya betul ini? Kalau isu dokumen sokongan ini ada, saya rasa Audit tak akan timbulkan tetapi sekarang ini Audit timbulkan. Jadi kita hendak kan penjelasan yang lebih inilah.

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Tuan Pengerusi, saya pun hendak tanya, hendak tambah. Apabila ada pertikaian antara pihak AG dan pihak kementerian berkenaan dengan dokumen yang dilampirkan, kenapa ambil masa lapan bulan untuk menepati segala dokumen yang diperlukan?

■1300

Sebab dalam tempoh lapan bulan itu, kebarangkalian untuk berlaku macam-macam perkara, maksudnya ataupun tanggapan pada pihak lain, contohnya tanggapan bahawa penyediaan dokumen itu

selepas audit masuk, boleh jadi persepsi kepada masyarakat umum pun tidak baik kepada pihak kementerian.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Dalam konteks yang sama, Tuan Pengerusi dan KSU, dalam laporan Ketua Audit Negara ini pun kementerian mengaku mengikut maklum balas 8 September 2014 ini dengan menggunakan kata-kata "*Dokumen pengesahan pelaksanaan kerja tidak disertakan kerana tiada mekanisme atau kaedah yang sistematik dan seragam untuk pegawai menyemak dan mengesahkan kesempurnaan kerja bagi setiap item yang dinyatakan dalam kontrak.*"

Jadi ini pengakuan di pihak kementerian bahawa ada ke tidak pelaksanaan apa yang sepatutnya dilaksanakan. Kita *settle that first, then* kita cuba...

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Terima kasih. Dua perkara. Satu adalah maklum balas oleh kementerian adalah diakui seperti yang mana saya telah bantah iaitu terdapat di mana pengesahan di tapak. Itu pengesahan di tapak tiada *template* yang sistematik. Itu adalah satu perkara yang perlu penambahbaikan yang di mana dilakukan secara sebelum audit, ada *due diligence*, dengan izin di mana semakan dari segi *spec* dan skop kerja dan bilangan ada dilakukan tetapi tidak mengikut satu senarai *template* yang sistematik. Jadi itu berlaku. Jadi dari segi dokumen-dokumen tambahan itu, apa yang diproses oleh Bahagian Kewangan melalui penyemak pertama, penyemak kedua dan pelulus, dan sampai ke Akauntan itu, adalah ikut senarai semak dokumen bayaran.

Apa yang saya ingin beri penjelasan adalah daripada di mana dokumen itu ada adalah melalui apa yang diterangkan oleh pegawai-pegawai di Bahagian Kewangan. Saya sendiri pun ada semak dokumen itu di mana ada lihat dari segi adakah *invois*, *bon* pelaksanaan dan dari segi penyata bank dan seluruhnya. Sebab oleh kerana kalau saya tak semak dengan diri sendiri, saya tak dapat nyatakan dokumen itu ada. Saya sendiri telah memohon untuk dapatkan semua fail dan semak semua misalnya untuk Citrawarna 2013, dokumen itu ada.

Jadi, satu persoalan yang timbul adalah kenapa lapan bulan baru ada dokumen berikut. Itu adalah dari segi masa, masa dokumen itu dibekalkan. Apa yang semasa di audit, *exit conference* pun, apa yang dinyatakan dokumen sokongan mengikut kontrak, ada. Sebab itu bayaran dibuat. Jadi itu yang dapat saya jelaskan, oleh kerana saya sendiri ada melihat dokumen-dokumen itu. Dan juga melihat dari segi *authenticity* dokumen itu. Dan saya pun sendiri melihat dari segi resitnya, laporannya dan pengesahan ada dilihat. Jadi sekarang adalah timbul isu adalah masa dokumen itu dibekalkan semasa diaudit. Tapi apa yang sebenarnya berlaku, dokumen itu ada dan bayaran itu dibuat mengikut senarai semak dokumen.

Tuan Pengerusi: Jadi Datuk *confirm* bahawa dokumen ini masa pembayaran dibuat, wujud ya? Bukan dibuat selepas, *after the event* ya? Okey, audit sekarang ini, apa benda yang tak cukup ini?

Puan Mona binti Othman: Okey, sebagai contohlah ya. Saya bagi contoh di sini, macam contohnya memang kita dah – untuk Citrawarna 1Malaysia 2012/2013, pengangkutan peserta. Semasa kita menyemak, pembayaran tidak dibuat berdasarkan item. Apa yang kita jumpa, contohnya, pembayaran dibuat mengikut contoh peratusan, 15% selepas SST di tandatangan, 45% selepas dokumen perjanjian di tandatangan, *and so forth* lah. So, di pihak kami, kami tak dapat nak *verify* sama ada pembayaran tersebut dibuat mengikut spesifikasi dan perkara-perkara yang dinyatakan, *stipulated* dalam kontrak. Itu sebagai contoh lah. Dan untuk yang lain-lain itu, macam contohnya, tiada pengesahan kerja ke atas kerja-kerja yang telah dilaksanakan.

Tuan Pengerusi: *That's also valid*, Datuk. Kalau tak ada pengesahan kerja, macam mana bayaran itu dibuat? Masa... Ya lah. Saya faham, sekarang ini kita nak *decide*, *at the point of time when payment was made, was all the documentations complete? Okay, if there is a piece of documentation has not complete, then it is under* Arahan Perbendaharaan 305 and 306, *it is improper payment* lah.

So, tadi macam pengesahan peserta, pengesahan peralatan dan sebagainya, yang disebut oleh audit tadi itu. *If any of those syarat has not been met, then there is something wrong. But it also depends on how the contract is written* lah. *If the contract written now is bayar ikut masa, ikut timeline, then your kementerian has not done anything wrong* lah. *That's how the contract has been written. But it doesn't mean that that is the best way how you should write the contract to pay all these people* juga.

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bayaran untuk acara misalnya dalam kes Citrawarna adalah memangnya mengikut kontrak. Kontrak disebutkan mengikut masa, iaitu misalnya untuk kontrak di mana dokumen itu atau surat setuju terima itu ada beberapa peratus akan diberi. Misalnya untuk bayaran, ini adalah kontrak Citrawarna di mana bayaran pertama setelah surat setuju terima ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan disertakan dokumen sokongan yang lengkap dan sempurna. Jadi untuk ini adalah peringkat surat setuju terima, 15%.

Yang kedua, adalah setelah dokumen perjanjian ditandatangani adalah kedua, 45%. Dan ketiga selepas acara berlangsung dan disertakan dokumen yang lengkap, ketiga 35%. Jadi untuk bayaran pertama, dan kedua adalah ikut tempoh masa. Dan ini, saya ingin memberi sedikit latar belakang di mana untuk Citrawarna adalah satu acara yang ada kita ada kerjasama strategik dengan persatuan NGO. Jadi dengan adanya persatuan NGO, dari segi perbezaannya dengan *event organizer*, atau sektor swasta

adalah NGO memberi perkhidmatan yang lebih murah kalau kita banding dengan bekerjasama atau kita ada acara ini dijalankan, dilaksanakan oleh sektor swasta.

Jadi ini juga membantu supaya NGO itu dapat menyempurnakan acara itu dengan jayanya. Jadi kalau ikut kontrak, ini adalah bayaran mengikut kontrak. Dan dari segi acara-acara dan butir-butir lain, kita adalah juga merujuk kepada kontrak.

Tuan Pengerusi: Tapi kalau maknanya Datuk kata cara ini, cara yang terbaru yang kementerian nak buatlah. Maknanya nak jimatkan kos, jadi kerjasama dengan persatuan.

■1310

Akan tetapi tadi soalan yang ditimbulkan pula, adakah cara bayaran kontrak ikut masa ini adalah amalan biasa bagi jabatan kerajaan? Ini kerana selalunya kalau untuk kontrak-kontrak lain, kita bayar ikut *milestone*, bukan ikut masa. Kalau ikut masa, tambah lagi kita bayar selepas seminggu bayar ini, selepas sebulan bayar ini, selepas itu dalam – itu dari segi pembayaran. Dari segi pengurusan tidak ada dia punya *milestone* dia, KPI yang perlu dilaksanakan. Maknanya bagi duit, siap majlis, maknanya selesai sudah program ini sudah berjaya. Akan tetapi sebenarnya dari segi prosedur, pengisian dan sebagainya, Audit tidak boleh nak nilaikan kejayaan projek ini. Jadi itu pun boleh menimbulkan pembaziran jugalah dari segi cara PAC melihat perkara ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Malaysia dengan pelancongannya saya nampak banyak promosi kerana kita bergantung kepada promosi lebih daripada negara yang lain. Dengan ini saya hendak tanyalah, misalnya daripada acara-acara ini, misalnya bandar Raub, apakah itu *value for money*? *Value for money* untuk acara-acara ini. Perbelanjaan berbaloi dengan hasil yang kita dapat kerana hasil daripada pelancongan tinggi di Malaysia.

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada dua perkara yang dibangkitkan. Satu ialah dari segi *value for money*, dan satu lagi berkenaan dengan cara pembayaran dilakukan.

Untuk kontrak ini, kita ada pendekatan mengikut masa di mana bayaran pertama dan bayaran kedua adalah mengikut masa. Akan tetapi di samping itu, memang ada *milestone*. Misalnya untuk Citrawarna, kita ada bilangan peserta, apakah tema dan komponen-komponen yang perlu dilakukan. Jadi semua ada dinyatakan supaya kita dapat memastikan supaya kerja-kerja yang perlu dilakukan adalah memenuhi keperluan dan spesifikasi kementerian. Kenapa kita buat ikut masa untuk bayaran pertama dan bayaran kedua adalah untuk membantu NGO itu melaksanakan, oleh sebab mereka memerlukan kewangan oleh sebab bila untuk *mobilize* sesuatu program, semua perkara-perkara seperti baju, elaun

harian pelatih dan semua diperlukan. Jadi ini adalah untuk membantu NGO supaya dapat *mobilize* semua persediaan untuk menjayakan program ini.

Jadi kita ada bukan sahaja semata-mata dari segi ikut masa tetapi juga ada *milestone* yang perlu dipenuhi. Misalnya bila acara itu dilaksanakan, ada misalnya 6,000 atau 7,000 peserta, berapa segmen, *Parks and garden*, *Fabulous Food* dan seterusnya. Jadi semua ada dinyatakan dan perlu dipenuhi. Oleh itu, kita ada pendekatan di mana perkara-perkara itu, *milestone*, dapat dicapai.

Dari segi soalan tentang *value for money*, saya ingin merujuk kepada *slide* nombor yang depan itu tentang *Shoe Festival*, *slide* nombor empat di mana kita lihat dari segi *Malaysia International Shoes Festival*, peruntukan tahun 2011 adalah RM3.24 juta dan impak ekonomi yang mana ini adalah hasil jualan kasut semasa tiga hari pameran itu iaitu sebanyak RM6.2 juta dengan kreatif indeks 1.9. Tahun 2013, peruntukan RM3.19 juta dan impak ekonomi RM7.2 juta dengan kreatif indeks 2.3. Ini tidak mengambil kira perbelanjaan oleh pengunjung iaitu domestik dan antarabangsa. Cuma jualan kasut semasa pameran. Jadi impak ekonomi itu lebih besar tetapi dari segi pendekatan kreatif indeks yang di *introduce* oleh EPU adalah lebih daripada satu iaitu antara dua dan 2.3. Jadi dari segi projek ini memang dari segi analisis kos *benefit*, *benefit* adalah melebihi kosnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ini Yang Berhormat Kulim ada tanya soalan, siapa yang kira ini semua? *Who measure this? Is it local firm, international firm, reputable firm?*

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Ini adalah melalui hasil daripada kajian oleh UiTM di mana kita dapatkan nilai hasil jualan setiap *booth* yang menyertai *Malaysia International Shoes Festival*.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *The PR sites. The PR sites is it...*

Datuk Dr. Ong Hong Peng: *PR sites* melalui Tourism Malaysia yang di mana dari segi *impression*, dari segi media dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Maknanya ukuran yang dia pakai ini ukuran antarabangsalah. So Audit, saya hendak balik semula isu *improper payment* ini. Sekarang ini *you* puas hati tak apa yang kementerian jawab?

Puan Mona binti Othman: Sebab kita semasa tempoh pengauditan sahaja, Tuan Pengerusi. Selepas daripada itu, kita mungkin akses kepada JPA yang senarai semua itu.

Tuan Pengerusi: Soalnya, kontrak pembayaran ini dibuat ikut kontrak masa. Itu tak apalah bila kementerian hendak tentukan hendak bayar ikut *milestone* masa itu, tak apalah. Akan tetapi tadi saya tanya soalan pasal *milestone* yang dari segi kehadiran dan sebagainya pun kementerian kata ada.

Cuma kelemahan dia orang, dia orang tak buat *documentary check* semasa program itu dilaksanakan dan pembayaran itu dibuat bukan berdasarkan kepada *milestone* itu. Kemudian *you* kata *you* tak boleh *check* sama ada *milestone* yang ditetapkan itu sama ada dia betul-betul tercapai dan sebagainya. Saya rasa itu dia punya isunya sekarang ini.

Akan tetapi dari segi kontrak, kalau kementerian sudah set bayar cara masa itu, untuk saya, tidak jadi isulah. Cuma saya hendak tanya sahajalah, tidak ada cara lain kah? Pasal bayar kontrak ikut cara masa ini *is a simplest way to do but the vendor* nanti dia sudah dapat bayaran dia, apa dia kisah fasal kejayaan projek ini pun. Akan tetapi kalau lepas ini kontrak boleh dibuat secara *milestone*, pendahuluan dibayar secara *milestone* – wang pendahuluan itu boleh. *The first 20 to 30 percent* hendak *start the whole take off* itu boleh, tapi pembayaran selepas itu mestilah diikat dengan *milestone* lah yang berlaku.

Program ini senang. Hendak bawa orang, sewa sahaja bas. Itu pun boleh masuk dalam bajet yang ditentukan oleh kementerian juga. Akan tetapi kalau *you* bawa orang datang ke majlis ini, dia tak *fulfilled the milestone, the objective of the project*, tapi *you* rekod sebagai *milestone you*. Oh, 6,000 orang datang, 7,000 orang datang tetapi orang itu semua diangkut pakai bas untuk datang. Isu ini juga timbul dalam program yang dilaksanakan oleh kementerian di Johor Jaya. Ada tak *tourist* datang dan sebagainya kan.

■1320

Jadi *I think moving forward you have to move away from time-based contracts* ini. *Because it's made too easy to the vendor*, bukan? *But* lepas ini *if you go on milestone with advance payment* mengatakan *to facilitate, facilitation payment I think that month will be much easier and I think would be agreeable to audit* lah. Jadi, audit saya harap isu ini kita dah boleh *move forward*. Kah *you* masih rasa *very strongly about it? We have to be fair here*. Dekat PAC *I have to be fair to what audit has wrote up to us and then what is your explanation is*.

Puan Mona binti Othman: Cuma bagi kami dia boleh mendedahkan kepada risiko itulah Tuan Pengerusi ya. Macam contohlah Citrawarna 1Malaysia 2011 hingga 2013, dalam kontrak ada memperincikan lah jumlah senarai nama yang sepatut dibayar untuk itu contohnya ya untuk tahun 2012 – 6,060. Akan tetapi, berdasarkan maklum balas yang kita terima, senarai peserta itu cuma 4,911. Dia akan jadi isu lain pula. Akan tetapi kita tak bangkitkan lah dalam kita punya – bila dibuat secara macam tadi lah. Bermasa tadi.

Tuan Pengerusi: *You faham Datuk. When you set the milestone kan, you have to fulfill the milestone and it must be a genuine milestone fulfill not just you tarik list nama, you just put in as to justify your payment kan. So I hope going forward...*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Audit, that is really a fragile exposure itu, you know. You can actually exposed and then the numbers nya can be piled up because you got so many events, you know. Suddenly your original contract dengan your final accounts, dah lah tak match. Difference banyak pula.*

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pihak kementerian menyambut baik tentang itu dan adalah dalam SOP dari segi penambahbaikan supaya kita perlu mewujudkan *milestone* yang lebih ketat. Walaupun kita lihat dari segi *milestone* untuk menguruskan sesuatu acara dan untuk *justify* pembayaran, kita boleh lihat semasa waktu kemuncak iaitu hari Citrawarna itu dijalankan di mana kita dapat kalau 6,000 kita dapat melihat dari semua segmen dan *participation* peserta-peserta ada 6,000.

Kalau kita ada 12 segmen untuk – memang ada 12 segmen. Juga pakaian semua ada. Jadi dari segi *milestone* adalah kita – walaupun ada latihan di mana ada pemeriksaan berkala dan juga ada juga yang kemuncak itu dapat melihat. Kalau mereka tidak menjalankan persediaan, NGO itu tidak dapat menunjukkan satu persembahan yang menarik, satu persembahan yang mengikut spesifikasi yang ditetapkan, mengikut konsep yang ditetapkan, mengikut kostum yang ditetapkan dengan muzik dan koreografi, semua sekali sebagai satu pakej.

Kita lihat dengan Citrawarna ini dari segi kejayaan menarik pelancong memang setiap tahun meningkat. Jadi kami menyambut baik saranan pihak Jabatan Audit supaya kita perketatkan dari segi pemantauan. Itu memang satu cadangan yang amat baik dan kami terima dan telah akan menerangkan semasa penambahbaikan apa yang telah dilakukan. Terima kasih pihak audit dan Yang Berhormat Datuk Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Datuk, *continue* Datuk.

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Isu yang dibangkitkan yang dianggap *major* bagi pihak audit adalah tentang kontrak PR. *Mass Com*. Jadi boleh kita alih kepada kontrak itu? Di mana kita ada apa yang dibangkitkan oleh pemerhatian audit adalah skop kontrak perkhidmatan, perhubungan awam kementerian dan Tourism Malaysia mempunyai persamaan. Itu satu pemerhatian yang utama.

Selain daripada itu, nilai kontrak yang ditawarkan oleh kementerian pada agensi PR itu lebih tinggi berbanding dengan Tourism Malaysia. Dalam pemerhatian audit adalah 910% iaitu sembilan kali

ganda dari segi *retainer fee* untuk dibayar oleh kontrak PR Tourism Malaysia dan kontrak kementerian. Itu isu kedua. Output kerja yang dilaksanakan oleh agensi perhubungan awam mempunyai persamaan dengan output kerja unit komunikasi korporat kementerian. Ini secara khususnya adalah berkaitan dengan *press clipping*. *Press clipping*.

Okey, berdasarkan tiga pemerhatian ini, maklum balas kementerian adalah di mana kontrak PR Tahun Melawat Malaysia adalah khusus untuk satu kempen Tahun Melawat Malaysia di peringkat domestik dan antarabangsa yang melibatkan lebih daripada 200 acara dan lebih daripada 50 acara mega. Berbanding dengan kontrak Tourism Malaysia yang hanya memfokuskan kepada penyediaan draf ucapan dan *media releases* untuk kegunaan Tourism Malaysia.

Jadi dari segi skop kerja adalah berbeza. Dari segi perkara-perkara kalau kita lihat kontrak perkhidmatan perhubungan awam oleh sebab fungsi perkhidmatan awam adalah hampir sama. Jadi kalau kita lihat kontrak, nampaknya dari segi skop, bidang tugas adalah sama oleh sebab mereka dua-dua adalah agensi perhubungan awam. Akan tetapi, dari segi ekspektasi, dari segi kerja yang fungsi dan skop adalah di mana di bawah Tahun Melawat Malaysia lebih besar dan komprehensif.

Misalnya untuk kempen Tahun Melawat Malaysia, kita ada spesifikasi kerja baru yang tidak dirangkum oleh PR Tourism Malaysia dan juga Unit Komunikasi Korporat iaitu di mana diperlukan melakukan kajian dalam penyediaan e-Buletin misalnya sesuatu acara. Apakah latar belakang, apa yang cerita yang menarik, apakah yang dapat mempromosikan dan juga ditulis dalam misalnya dalam bentuk rencana, bentuk PR, bentuk e-Buletin, bentuk dalam *website*, *write up*, editorial dan *consultancy* untuk acara-acara mega. Itu tidak ada dalam kerja dan skop Tourism Malaysia.

Tugas, tanggungjawab dan output yang lebih tinggi dari segi *complexity*, frekuensi yang diperlukan dan intensiti yang diperlukan. Salah satu skop yang memang tidak ada dalam skop TM adalah pengantara dalam menjalinkan kerjasama strategik di antara kementerian dan saluran swasta. Ini adalah satu pendekatan baru di mana kita lihat kenapa kita terlalu bergantung kepada pihak kerajaan sahaja. Jadi kita pun nak melihat supaya pelaksanaan Tahun Melawat Malaysia juga mendapat sumbangan dan kerjasama daripada sektor swasta.

Jadi yang ini salah satu tugas khusus oleh agensi PR oleh kementerian di bawah Tahun Melawat Malaysia sekretariat...

Tuan Pengerusi: Datuk, soalan gajah dalam bilik. Gajah besar dalam bilik. *Elephant in a room*. Kenapa *you* tak suruh Tourism Malaysia buat? *[Ketawa]*

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Itu satu soalan yang memang...

Tuan Pengerusi: *You* boleh terangkan semua ini tetapi kuasa pada *you* untuk nak *delegate to* Tourism Malaysia pun. Bukan? *But why you have to it yourself?* Macam *you* tak percaya Tourism Malaysia pula.

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Itu satu soalan yang wajib dijawab lah. Wajib dijawab. Sebelum kita melantik PR *agency* oleh Tahun Melawat Malaysia, kita juga ada perbincangan dari segi pihak Tourism Malaysia, pihak urus setia Tahun Melawat Malaysia tentang lantikan dan juga keperluan untuk melantik satu lagi PR *agency* untuk khusus untuk Tahun Melawat Malaysia.

■1330

Kenapa ia tidak dilakukan oleh Tourism Malaysia? Sebenarnya Tourism Malaysia yang mencadangkan supaya urus setia Tahun Melawat Malaysia – oleh kerana kita mewujudkan urus setia Tahun Melawat Malaysia sebagai satu *special purpose vehicle* untuk merencanakan lagi Tahun Melawat Malaysia.

Jadi ini adalah satu *one stop centre* di mana kita merangkumi, di mana ada wakil daripada Tourism Malaysia yang *secondment* dengan izin, dalam Tahun Melawat Malaysia. Jadi daripada segi untuk melaksanakan Tahun Melawat Malaysia dengan kempennya secara holistik dan komprehensif, ianya ditempatkan di satu urus setia, *special vehicle*, urus setia Tahun Melawat Malaysia. Itu telah dibincangkan.

Juga, ada persoalan kenapa kita ada dua kontrak yang dijalankan, ada pertindihan. Pertindihan ini memang berlaku untuk tempoh enam bulan di mana – dan ini juga dibincangkan sebelum pelantikan dan sebelum memastikan keperluan adanya agensi perkhidmatan perhubungan. Jadi, satu adalah skop adalah berbeza dan Tourism Malaysia juga mencadangkan supaya ini diperlukan oleh kerana skopnya adalah berbeza. Dan juga kontrak TM juga akan tamat selepas itu dan tidak akan disambungkan. Jadi...

Tuan Pengerusi: Sekarang ini Tourism Malaysia tidak lagi *handle Visit Malaysia Year?*

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Untuk tempoh kontrak ini bila tamat kontrak SMASCOM ini, kita memang tidak akan adakan sambungan kontrak oleh kerana kementerian menghadapi isu kewangan, peruntukan, di mana ada sekatan peruntukan. Jadi kalau kita lihat peruntukan yang diluluskan untuk tahun ini *Malaysia Youth Festival (MyFest)*, memang kita tiada peruntukan untuk...

Tuan Pengerusi: Tak Datuk, yang saya pelik ini, Tourism Malaysia ini dia ini perbadanan kah ataupun dia apa?

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Badan Berkanun.

Tuan Pengerusi: Badan Berkanun. Maknanya fungsi kementerian dahulu dikeluarkan ke Tourism Malaysia. Kenapakah dibuat begitu kalau tidak untuk jadi *one stop centre* dan menyenangkan usaha untuk hendak menarik pelancong ke negara kita? Sekarang ini macam kementerian sudah tak percaya Tourism Malaysia dan tarik balik fungsi tersebut. Jadi untuk saya, sebagai perbadanan – saya baru buat *statement* semalam selepas pembentangan Laporan Ketua Audit Negara, saya kata kalau ada GLC atau badan-badan yang sudah tak berfungsi, kerajaan lebih baik fikir untuk tutup sahaja atau gabungkan dengan fungsi-fungsi lain daripada hendak masih kekalkan lagi sebagai badan-badan berkanun yang tak menepati matlamat dia.

So sekarang ini bila saya dengar Datuk cerita ini, macam fungsi Tourism Malaysia ini sudah ditarik baliklah pasal *the media consultant* apa semua ini *is the most important point of* Tourism Malaysia. Sebab itu lah kita punya iklan dan sebagainya, semuanya ada Tourism Malaysia punya logo kan. Iklan yang kita tayangkan di TV, di Astro dan sebagainya ada iklan Tourism Malaysia. Akan tetapi kalau mereka tak *control the aspect of the media* untuk tarik pelancong untuk masuk, *so they are not in control of their own business plan* lah kiranya kan, *because it goes together*.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Dan hujah Datuk KSU bahawa ini cadangan daripada Tourism Malaysia sendiri, tak betul. Lainlah kalau kementerian suruh Tourism Malaysia buat sesuatu, itu memang peranan KSU dan kementerian. Tetapi kementerian tak boleh datang sini dan kata, "*Oh, itu Tourism Malaysia yang suruh kita buat*". Patut *you as* kementerian *tell* Tourism Malaysia, *this is your job, you are supposed to do this and don't waste kementerian's money just because of whatever* lah. Patutnya *the other way around*, bukannya kementerian datang kata Tourism Malaysia suruh kita buat. Kita boleh kata kepada Tourism Malaysia, kita hendak Tourism Malaysia buat.

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Terima kasih atas pemerhatian itu. Kalau kita lihat balik, mungkin kita ada cara yang lebih baik untuk melaksanakan kempen Tahun Melawat Malaysia. Betul juga kalau – mungkin saya bila memberi penerangan tidak jelas masa saya memberi, tidak jelas.

Maksud saya, betul, apa yang disebutkan adalah satu konsensus semasa mesyuarat, adalah baiknya kalau kementerian menerajui Tahun Melawat Malaysia dan juga merangkumi dan melantik *PR agency* oleh kerana peranan sekretariat Tahun Melawat Malaysia bukan sahaja *PR agency*, ia lebih meluas. Misalnya mengadakan insentif. Misalnya, ini adalah pertama kali kita dari segi dasar di mana kita ada memohon dengan Kementerian Kewangan untuk mendapatkan insentif. Itu adalah usaha supaya lebih sektor swasta memberi sumbangan dari segi kewangan, daripada segi kerjasama strategik. Bila

sektor swasta menyertai program-program yang dianjurkan dan dilaksanakan di bawah Tahun Melawat Malaysia, mereka akan dapat insentif *tax, tax exemption*.

Tuan Pengerusi: Saya tahu, Datuk. Akan tetapi daripada segi mata kasarlah, pandangan saya macam Tourism Malaysia punya peranan dikurangkanlah. Dahulu dia diperbadankan untuk *handle all matter of tourism*, kementerian *is only* pemantau. *Now you are actually admitting that Tourism Malaysia cannot do that function and you take it back into the kementerian. So why do you keep Tourism Malaysia? As what? As an administrator coordinator* kah, *as a real body to develop tourism* di Malaysia?

Tak, kami di PAC kami tengok dari semua segi, Datuk. Ini kerana akhirnya peruntukan ini nanti dia *double counting*. Setengah pergi Tourism Malaysia, setengah pergi kementerian. Padahal kerja itu sama sahaja. *But actually we are paying for two sets of managers* kan. *Whereas if you separate out Tourism Malaysia, and we can blame Tourism Malaysia for everything that goes wrong*. Sekarang ini balik semula kepada kementerian ini.

Jadi nampaklah ada juga boleh berlaku pembaziran daripada segi belanjawan yang kita hendak sediakan untuk kementerian kalau fungsi ini diasingkan. *Double counting* lah, pertindihan.

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Itu memang kalau kita lihat secara *hindsight*, dan juga pemerhatian audit dan juga pemerhatian Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC. Kalau kita diberi peluang untuk membuat semula Tahun Melawat Malaysia di mana dalam rancangannya adalah tahun 2020 dan pendekatan yang berlainan akan diambil dengan mengambil kira supaya kita memberi fokus, memberi peranan yang lebih besar kepada Tourism Malaysia.

Saya ingin menyatakan di sini, kita selalu ikut apa adalah amalan biasa. Misalnya pada tahun 2007 dan sebelumnya, adalah diwujudkan satu sekretariat *Visit Malaysia Year (VMY)* untuk melaksanakan segala tugas. Jadi itu memang pendekatan yang telah menjadi SOP. Jadi hari ini, ada pementangan kepada PAC, kita dapat ilham supaya kita mungkin boleh mendapat pendekatan yang lebih efektif. Jadi pihak kementerian menyambut baik teguran ini dan kita lihat semula cara pendekatan, mekanisme pelaksanaan dari segi Tahun Melawat Malaysia dalam tahun 2020.

Tuan Pengerusi: Okey Datuk, kita *move on*, pasal seorang-seorang ahli PAC ini sudah keluar dari bilik ini. Nanti tinggal saya seorang sahaja. *[Ketawa]*

■1340

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Sedikit lagi Tuan Pengerusi, dengan izin. Satu *slide* lagi ingin, untuk, belum, belum, ada satu lagi, dari segi di mana harga kontrak tidak terperinci dan ditetapkan secara *lump sum*. Oh, nak *close* ya?

Jadi untuk memberi keyakinan kepada pihak audit supaya kita telah mengambil perhatian serius kepada teguran audit dan telah melakukan penambahbaikan dan juga perkara-perkara yang telah kita lakukan supaya apa yang dibangkitkan oleh pihak audit kita memandang serius. Dan perkara-perkara yang dinyatakan ada tindakan susulan.

Okey, satu lagi kalau dengan izin adalah kontrak tidak terperinci dan ditetapkan secara *lump sum*. Jadi yang ini kalau kita lihat kita ada sembilan skop kerja dan kita telah dari bulan Jun, bulan Julai, bulan Ogos ada pemotongan. Itu bukan satu *lump sum payment*. Kita telah membuat terperinci supaya dibuat pemotongan. Jadi ini ingin kita memberi maklum balas supaya tindakan susulan dan teguran audit diberi perhatian serius. Dan juga telah diambil tindakan. Itu adalah perkara-perkara, empat perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Pengerusi yang ingin diberi penerangan.

Dan juga dengan izin kalau boleh kita dengan secara ringkas menyatakan apakah penambahbaikan yang telah dilakukan:

- (i) kementerian telah mewujudkan dan melaksanakan garis panduan pengesahan perkhidmatan dan bekalan bagi pengurusan acara. Itu memang satu SOP;
- (ii) telah mewujudkan dan melaksanakan garis panduan bantuan kewangan kepada jabatan/agensi bagi pengurusan acara;
- (iii) kita juga telah mengemas kini dan melaksanakan prosedur kerja ISO bagi pengurusan acara kementerian;
- (iv) mengamalkan Pra-Audit. Itu Pra-Audit adalah satu perkara yang kita lihat di mana oleh bila audit masuk, adalah terlambat. Audit is *post-audit*. Jadi kita dah mengamalkan Pra-Audit. Ini adalah satu yang dikatakan *self-regulation*....

Tuan Pengerusi: Kementerian dah ada Pegawai Integriti belum?

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Ada.

Tuan Pengerusi: Dah ada. Maknanya *internal audit* pun dah ada. Pegawai Integriti pun dah ada, ye. Okey.

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Pra-Audit ini adalah semua pegawai yang terlibat dengan perolehan memastikan semua tatacara kewangan dipasti, diikuti dan sebagainya. Jadi amalkan konsep Pra-Audit. Itu semua dalam pemikiran semua pegawai telah menjadikan sebagai satu budaya.

- (v) mewajibkan semua pegawai yang terlibat dalam pengurusan acara untuk menghadiri kursus perolehan/kewangan;

- (vi) mulai tahun 2015, wakil daripada Bahagian Kewangan turut dilibatkan dalam pemeriksaan perkhidmatan dan bekalan di tapak; dan
- (vii) kita juga mendapatkan khidmat nasihat Unit Audit Dalam dan Unit Integriti bagi urusan perolehan bayaran dan pengesahan perkhidmatan/bekalan mengikut keperluan.

Tuan Pengerusi: Datuk Anwari, kementerian nak pakai Unit Audit Dalam dalam kerja mereka selepas ini.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Sebenarnya Unit Audit Dalam sudah ada di kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Sekarang ini nak dilibatkan lebih awal lah. Jadi...

Datuk Haji Anwari bin Suri: Saya ingin memberi sedikit pandangan lah sejauh mana Unit Audit Dalam bertugas sebagai Unit Audit Dalam sebenar sebagaimana *circular* yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan.

Tuan Pengerusi: Apa pandangan daripada...

Datuk Haji Anwari bin Suri: Unit Audit Dalam tugas dia menjawab teguran audit dari Jabatan Audit Negara.

Tuan Pengerusi: Jadi Datuk, lepas itu kena ambil kira pandangan daripada Timbalan Ketua Audit Negara yang mengatakan peranan Unit Audit Dalam ini patutnya dia kerja untuk Ketua Audit Negara. Bukan untuk nak *justify* apa *you* buat di kementerian. Jadi peranan ini perlu dipertingkatkanlah. Fasal untuk sayalah, *event management is a subjective thing. To try to define it to the minute detail, I think that want, that is* apa orang kata, *futile exercise* lah. Fasal memang kita belanja duit itu untuk nak apa, kepada perkara-perkara yang tak nampak dia punya *tangible benefit* dia. Tapi mana yang boleh nampak *tangible benefit* dia, yang dituliskan sendiri oleh SOP kementerian. Sebagai contoh audit bawa isu mengenai ada beberapa acara khemah yang diperolehi, makanan kurang, kerusi lebih, alat di sini ada, meja tak cukup dan sebagainya ya. Jadi *this is where you can itemized* lah.

This is where you can calculate, this where you can in a way include as your milestone daripada nak buat majlis ini, kita sediakan peruntukan, belanja saja tak kira dia punya KPI dia. Jadi ini sebab tadi – saya bukan apa, saya faham audit punya teguran ini, dia orang *go very detail*. Dia orang mungkin *don't look at that detail aspect because the risk of pembaziran happening. The risk of wastage happening is very high because if you don't actually justify what you are paying for, on paper at your level it looks good*. Tapi *when you go on the ground*, banyak dia punya *inconsistency* nya yang mungkin tak ikut kepada

matlamat asal dan juga kepada kontrak. Ini yang jadi isu nanti yang ditimbulkan oleh Jabatan Audit Negara lah.

For example, there is one issue, buat majlis dekat Labuan, letak fireworks 500 meters away from the SHELL punya refinery. I mean, why kan? So, people ask this question, why. Macam program dekat Raub itu. Memang you boleh tulis situ, program perintis, tetapi there is a lot of money being spent there for program perintis. The next stage is whether there is a follow up with state government. Kalau you buat program you, you buat pelancaran you, lepas itu tak ada link back dengan state government, state government tak ada nak buat sokongan daripada Jabatan Pertanian, dia punya own tourism punya department untuk follow up.

Jadi benda ini tinggal satu rancangan sahaja lah. *You* kata nak buat flora dan fauna lah apa semua ini, tapi program-program lanjutan itu dah dibuat ke belum? *Who is going to do it? It's not you. It's either ministry or it is state government. So, that's why* bila audit tengok benda ini, audit nampak sebagai satu pembaziran. *If you can actually show that you know, nak buat program perintis ini, but it goes together* dengan *the effort by state government and the other ministries* yang jelas lah. *Then, it wouldn't be an issue.*

Jadi, macam satu lagi program dekat Johor yang dibuat di Johor Jaya. Ini audit timbulkan program mengenai masalah makanan tak halal dan sebagainya. Tadi saya pun cakap pada audit. Saya cakap *personal beliefs and personnel opinion shouldn't be put into Laporan Ketua Audit Negara. And I know that area Johor Jaya itu 90% Chinese community.* Sekali lagi, kenapa dipilih Johor Jaya? Kalau tengah bandar Johor Bharu, saya faham. Di jalan terus, di dalam kawasan saya, dari atas jalan terus itu, bukit itu, ada gereja sampai, ada Gudwara, ada kuil kuno 100 tahun, ada kuil hindu 100 tahun umurnya. Ada masjid India dekat hujung jalan itu. Memang *it is very well known tourism site.* Saya tak pernah tengok pun *Visit Malaysia* dibuat di situ.

■1350

Akan tetapi bila dibuat di Johor Jaya, *out in the middle of nowhere,* tak ada nampak dia punya *connection* dengan *the local tourism* punya *attraction.* *Then, it raises the issue whether this money is being well spent or not. So, coordination with the state government with the other ministries* pun amat penting untuk pastikan bahawa program yang dirancang oleh Tourism Malaysia ini boleh di *quantify* hasilnya, walaupun *actually it is intangible* punya *result* yang dikejar oleh kementerian.

Jumlah *tourist* datang itu biasalah. Macam tadi kalau hendak dibuat di Johor Bahru, memang ramailah *tourist Singapore* masuk, jadi dia punya *figures* tinggi. Akan tetapi di Raub, disebut oleh Jabatan

Audit Negara, dia punya kehadiran *tourist* dia tak meningkat. *So I understand is these. You put the event on the high traffic, a well define tourist area*, memanglah duit itu *you* belanja *no* isu lah *because* ada *result* yang nyatakan. Akan tetapi macam di Raub, jumlah *tourist* yang datang pun tak tinggi seperti yang diaudit. Jadi *this is the issue* Datuk, yang saya rasa perlu di fokus oleh pihak kementerian.

Jadi sudah 1.50 petang, nak dekat pukul 2.00 sudah. Ada lagi apa-apa hendak ditambah oleh Ahli Jawatankuasa? Audit, ada apa hendak tambah lagi? Wakil kementerian? Isu ini telah dibawa di dalam JPA kan?

Encik Ali Badaruddin bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, kita telah bawakan tapi itulah seperti yang saya terangkan tadi, representasi dia berjaya melepaskan itulah dari segi bukti yang ada.

Tuan Pengerusi: Okey, pasal Audit kata *yours officers committed an offence under* Arahan Perbendaharaan 305, 306 pasal *all the document must be there* kan. *You* pun kata ada, tapi *on paper*. Akan tetapi *the actual ticking of the milestone* itu ada yang ada, ada yang tak ada kan. Jadi timbul masalah kita pula *at that point of time when the payment was made, was the supporting document are completed. Some are completed, some are not.* Tapi *if this not completed at that point of payment, it is an offence under* Arahan Perbendaharaan 304. *Subsequence* punya *editions* kah apakah, atau pembetulan selepas itu tak sepatutnya diambil kiralah. Selepas itu bila pergi ke JPA, JPA kata okeylah, *all the document are there*, tak kira *at that point of time* kah atau *subsequence*.

So, from our point of view, if the peraturan says at that point of time is incomplete, then it is improper payment. Dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara *as that. Newspaper* sudah *pickup*, sudah keluar benda itu, kita tak boleh tarik balik. *So as it is if kementerian has done an improper payment.*

But when actually you come explain to us, okeylah. You know, we can accept that the answer but also we must know that next time it cannot happen again, because you do events ini berpuluh-puluh *events every year. It's not something yang you* buat sekali-sekala. *It is every year. So you should have developed a system that can minimize any risk of wastage or penyelewengan* kah dan sebagainya.

Jadi *I think that is my final word on this* lah. Kalau tak ada orang hendak tambah lagi, saya ucapkan terima kasihlah kepada Datuk kerana telah sudi datang pada hari ini memberikan penjelasan. Sebagai *reward* Datuk, *lunch is served...* [Ketawa] Terima kasih Datuk ya.

Datuk Dr. Ong Hong Peng: Okey, terima kasih. Saya bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC dan juga kepada Jabatan Ketua Audit Negara ke atas segala teguran dan kami menyambut baiknya dan akan memastikan

kelemahan-kelemahan itu dapat diatasi dan memang pun telah disediakan SOP dan menjalankan perkara-perkara yang perlu penambahbaikan. Dengan melangkah ke hadapan, kita akan mencapai objektif, sasaran demi kepentingan negara. Terima kasih Tuan Pengerusi.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.55 petang]



DOKUMEN
PEMBENTANGAN



RAHSIA

**MESYUARAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC)**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2013 SIRI 3 :
PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA
KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN
KEBUDAYAAN**

**7 APRIL 2015
(11 pagi -1.30 tghr)**

RAHSIA

RAHSIA

KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN




2

LATAR BELAKANG PROGRAM

- Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (Kementerian) ditubuhkan antaranya bagi meningkatkan sumbangan sektor pelancongan kepada ekonomi negara dan merakyatkan seni, budaya serta warisan melalui acara/aktiviti seni dan budaya ke arah 1Malaysia. Acara/aktiviti tersebut adalah di bawah kendalian Sektor Pelancongan dan Sektor Kebudayaan.
- Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, sejumlah RM229.48 juta (88.6%) telah dibelanjakan berbanding peruntukan yang diterima berjumlah RM259.11 juta untuk pelaksanaan 517 acara.

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN 


3

SKOP PENGAUDITAN

Meliputi aspek perancangan, pelaksanaan & pemantauan terhadap pengurusan pengendalian acara bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Semakan telah dibuat meliputi 10 acara yang dilaksanakan Ibu Pejabat Kementerian dan KPK Negeri:

- W.P. Labuan;
- Pulau Pinang; dan
- Pahang


RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN 

4

BIL.	ACARA	LOKASI ACARA	KOS ACARA BAGI TEMPOH TAHUN 2011 - 2013 (RM Juta)
1.	Citrawarna 1Malaysia	W.P. Kuala Lumpur	24.47
2.	Pesta Air Labuan	W.P. Labuan	2.69
3.	Malaysia International Shoe Festival	W.P. Kuala Lumpur	10.08
4.	Fabulous Food 1Malaysia	Seluruh Malaysia	16.91
5.	Magic Of The Night	W.P. Putrajaya	13.77
6.	Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri	Pulau Pinang	1.29
		Selangor	0.22
		Melaka	1.82
7.	Majlis Rumah Terbuka Deepavali	Selangor	1.40
		Perak	1.54
		Johor Bahru	1.78
8.	Majlis Rumah Terbuka Cina	Sarawak	1.13
		Perak	1.90
		Selangor	3.54
9.	Majlis Rumah Terbuka Krismas	Selangor	1.01
		W.P. Kuala Lumpur	2.27
10.	Minggu Budaya Malaysia London	Pulau Pinang	1.66
		London	5.19
JUMLAH			92.67


RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN 

5

- ✓ Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan pada bulan November 2013 hingga Februari 2014 mendapati pengendalian acara Kementerian telah berjaya menarik pelancong terutamanya dalam negara.
- ✓ Strategi Lautan Biru Kebangsaan khususnya yang digunakan oleh Pejabat KPK Negeri Pahang telah berjaya menarik lebih ramai pelancong ke negeri tersebut berdasarkan statistik kedatangan pelancong.
- ✓ Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan acara yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian seperti berikut:

RAHSIA


RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN 

6

KELEMAHAN YANG DIPERHATIKAN

- i. Terdapat pertindihan/persamaan antara skop kerja bagi Perkhidmatan Perhubungan Awam yang dilaksanakan oleh Smascom & Design Sdn. Bhd. oleh Tourism Malaysia dengan fi bulanan berjumlah RM363,363 (22 bulan) berbanding yang dikendalikan oleh Tourism Malaysia dengan fi bulanan berjumlah RM39,900 (12 bulan);
- ii. Pengisian acara seperti *Fabulous Food 1Malaysia: Street and Restaurant Food Festival* tidak selaras dengan objektif acara berkonsepkan menu tempatan dan kaedah penempatan gerai sajian halal/tidak halal tidak diasingkan;

RAHSIA


RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN 

7

KELEMAHAN YANG DIPERHATIKAN

- iii. Tadbir urus/pengurusan acara khususnya dari aspek pemilihan lokasi acara; urusan pembayaran; pengurusan keselamatan acara; serta penyenggaraan selepas tamat acara tidak dibuat dengan teratur; dan
- iv. Pemantauan terhadap pelaksanaan acara tidak dibuat dengan rapi khususnya mengenai pengesahan terhadap perkhidmatan/bekalan oleh kontraktor.

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN 

8

1. PEMILIHAN LOKASI

- Bagi acara yang dilaksanakan oleh Pejabat KPK Pahang pada tahun 2011 hingga 2012, 12 lokasi acara utama termasuklah peringkat nasional dengan kos pengendalian berjumlah RM5.23 juta adalah di sekitar bandar Raub. Pemilihan lokasi diputuskan di peringkat Ibu Pejabat Kementerian. Bagaimanapun justifikasi pemilihan tidak dapat ditentukan kerana ketiadaan maklumat. Butiran lanjut seperti berikut:


RAHSIA

RAHSIA		KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN	
9			
1. PEMILIHAN LOKASI			
LOKASI BAGI AKTIVITI KEMENTERIAN YANG DILAKSANAKAN OLEH PEJABAT KPK NEGERI PAHANG			
TEMPAT	ACARA	TARIKH & MASA	KOS PROGRAM (RM)
Dataran Raub dan Jalan Utama	Pesta Tanglung Parlimen Raub	12/9/2011 (1900 – 2200)	187,645
Dataran Raub, Pahang	Riang Ria Aidilfitri	18/9/2011 (2000 - 2330)	TM
Taman Tasik Raub, Pahang	Pameran 1Malaysia Contemporary Art	30/9/2011 – 02/10/2011 (2000 – 2300)	617,150
	Perasmian Taman Tasik Raub	TM	TM
	Pelancaran IMG TMC	TM	TM
	Festival Flora	TM	113,400
	Deepavali	26/10/2011 (2000 – 2300)	TM
Pekan Raub, Pahang	Bazaar Ramadhan Raub 2011	Qqos 2011	218,840
	Majlis Perjumpaan Mantan YB Menteri Pelancongan bersama penggiat industri pelancongan sempena Hari Krismas, & Sambutan Hari Raya 2011 Di Raub, Pahang	21/12/2011	981,385.00
Taman Tasik Raub, Pahang	Festival Taman Tasik Raub (Park&Garden)	31/10 -23/10/2011	1,503,700
Kg Batu Malim, Raub	Pesta Air parlimen Raub 2011	16/10 - 17/07/2011	279,763.40
Raub, Pahang	Majlis Pegumpulan Mantan YB Menteri Pelancongan bersama penggiat industri pelancongan sempena Tahun Baru Cina 2012 Di Raub, Pahang	28/01/2012	1,324,853.40
JUMLAH			5,226,536.80

RAHSIA

RAHSIA		KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN	
10			
2. PELANTIKAN KONTRAKTOR			
- KONTRAK PERHUBUNGAN AWAM KEMPEN VISIT MALAYSIA YEAR 2014			
<p>Kementerian telah membuat perolehan bagi Perkhidmatan Perhubungan Awam Bagi Kempen <i>Visit Malaysia Year 2014</i> pada tahun 2013 dengan kos berjumlah RM28.38 juta. Skop kontrak meliputi Perkhidmatan Kerja Perhubungan Awam bernilai RM7.99 juta (RM363,363 x 22 bulan) dan perkhidmatan promosi berjumlah RM20.39 juta.</p> <p><input type="checkbox"/> Pihak Audit tidak dapat mengesahkan keperluan perolehan memandangkan Penyata Keperluan tidak disediakan.</p>			

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN 


11

2. PELANTIKAN KONTRAKTOR
- KONTRAK PERHUBUNGAN AWAM KEMPEN VISIT MALAYSIA YEAR 2014

Skop perkhidmatan dan kadar harga yang dinyatakan di dalam kontrak adalah tidak terperinci dan anggaran harga Kementerian dibuat secara *lump sum*. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan asas penilaian harga dan butiran perbelanjaan yang dibuat khususnya bagi perkara seperti berikut:

- ✓ Tourism Malaysia telah membuat perolehan bagi Perkhidmatan Perhubungan Awam di dalam negara di mana kontrak yang dimeterai pada tahun 2013 berjumlah RM0.48 juta bagi tempoh 12 bulan (RM39,900 sebulan termasuk "out of pocket" dan Cukai Perkhidmatan Kerajaan). Nilai kontrak perolehan Perkhidmatan Kerja Perhubungan Awam yang dibuat oleh Kementerian selama 22 bulan adalah berjumlah RM363,363 sebulan (910.7%) daripada nilai kontrak yang dibuat oleh Tourism.

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN 

12

2. PELANTIKAN KONTRAKTOR
- KONTRAK PERHUBUNGAN AWAM KEMPEN VISIT MALAYSIA YEAR 2014

- ✓ Semak silang yang dibuat mendapati terdapat persamaan bagi sebahagian besar skop kerja antara perolehan yang dibuat oleh Kementerian dan Tourism Malaysia. Selain itu, Perkhidmatan Perhubungan Awam turut dilaksanakan oleh Unit Komunikasi Korporat (UKK), Kementerian.
- ✓ Semak silang antara output kerja bagi "*compile press clippings, provide translation and commercial value to all VMY 2014 media releases*" yang dibuat oleh Smascom bagi bulan November 2013 mendapati terdapat persamaan sehingga 50% dengan output kerja UKK dan sehingga 80% output kerja kontraktor yang dilantik oleh Tourism Malaysia.

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

13

**2. PELANTIKAN KONTRAKTOR
- PEROLEHAN KERUSI *BANQUET* DAN MAKANAN**

✓ Perolehan bagi bekalan kerusi banquet VIP daripada 6 pembekal dengan kos seunit berjumlah antara RM5 hingga RM13.75 adalah melebihi jumlah makanan yang ditempah dengan lebih antara 53.9% hingga 300%. Berdasarkan temu bual, penentuan spesifikasi/kuantiti kerusi banquet adalah berdasarkan bilangan/muatan khemah.

RAHSIA


RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

14

PERBANDINGAN KUANTITI KERUSI BANQUET DAN MAKANAN ACARA MRTM BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2013

TAHUN	MRTM	NAMA PEMBEKAL	ITEM	PERBANDINGAN KUANTITI KERUSI BANQUET DAN MAKANAN VIP	PERBEZAAN	PERATUS PERBEZAAN (%)	RUJUKAN
2011	Krismas	Lucky Dean Enterprise	Kerusi VIP	2,000	1,500	300	B923B
			Makanan	500			B4186
2012	Deepavali	TWOJ International (M) Sdn Bhd	Kerusi VIP	2,400	1,400	140	B923B
			Makanan	1,000			B3659
	Krismas	Fajar Baiduri Events Sdn Bhd	Kerusi VIP	2,000	1,000	100	B7986B
			Makanan	1,000			B4421
2013	Aidilfitri	MM Events Sdn Bhd	Kerusi VIP	2,000	700	53.9	B6267
			Makanan	1,300			B0341
	Deepavali	TWOJ International (M) Sdn Bhd	Kerusi VIP	2,000	1,000	100	B8017
			Makanan	1,000			B1449
	Tahun Baru Cina	Stage Automation (M) Sdn Bhd	Kerusi VIP	3,000	2,200	275	B2125
			Makanan	800			B0108
Krismas	MS Advanceline Creative & Events	Kerusi VIP	2,000	1,200	150	B7986B	
		Makanan	800			B2291	
JUMLAH					9,000		

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN 


15

3. PENGISIAN ACARA

Fabulous Food 1Malaysia (FF1M) merupakan acara yang mengetengahkan pelbagai jenis makanan dari pelbagai kaum di Malaysia.

- Kaji selidik yang dijalankan oleh Persatuan Restaurant Selangor Ku Su Shin Choong Hung sepanjang tahun 2011 hingga 2013 mendapati penglibatan kaum di dalam acara ini adalah tidak seimbang di mana ia hanya didominasi oleh kaum tertentu sahaja. Cadangan telah dikemukakan bagi meningkatkan tahap penglibatan restoran Bumiputera/Melayu serta penjaja lain selain memperbanyakkan menu makanan etnik bumiputera.

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN 

16

3. PENGISIAN ACARA

- ✓ Terdapat peniaga dan penjaja yang terlibat di dalam acara ini menjual menu makanan yang tidak melambangkan makanan tempatan sebaliknya menjual sajian makanan Jepun, Korea, Hong Kong, Taiwan dan Barat. Ini adalah tidak selaras dengan inisiatif 1Malaysia untuk memperkenalkan menu makanan rakyat tempatan kepada pelancong luar.
- ✓ Lawatan Audit semasa majlis pelancaran FF1M pada 29 November 2013 di Taman Johor Jaya, Johor Bahru mendapati gerai yang menghidangkan makanan yang tidak halal dan eksotik tidak diasingkan dan diletakkan bersebelahan dengan gerai menu makanan halal.

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

17

3. PENGISIAN ACARA



*Taman Johor Jaya, Johor Bahru, Johor
- Susun Atur Gerai Halal Dan Non-Halal
(29.11.2013)*

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

18

4. PENGURUSAN BAYARAN

- ✓ Semakan terhadap pembayaran bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 mendapati pembayaran 10 item bagi 4 acara tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap serta diperakui/disahkan sewajarnya.
- ✓ AP 96 berhubung pengeluaran tunai untuk dibahagikan menggariskan antaranya pegawai penerima hendaklah dilantik oleh Pegawai Pengawal. Tiada bukti pelantikan Pengarah Pejabat KPK W.P. Labuan sebagai pegawai penerima oleh Pegawai Pengawal.

RAHSIA

RAHSIA		KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN	
19			
4. PENGURUSAN BAYARAN			
ACARA	JENIS ITEM	KELEMAHAN YANG DIPERHATIKAN	
MRTM	Persiapan Tempat Logistik	<ul style="list-style-type: none"> Tiada bukti pengesahan terhadap kerja logistik telah dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab di tapak acara untuk 7 MRTM bagi tempoh 2011 hingga 2013 berjumlah RM2.68 juta. Perakuan kesempurnaan kerja hanya dibuat oleh pegawai hanya selepas acara berlangsung. 	
Citrawarna 1 Malaysia (2011 hingga 2013)	Elaun Latihan, Persembahan Serta Makan Dan Minum Peserta	<ul style="list-style-type: none"> Pembayaran antara RM0.51 Juta hingga RM2.67 Juta tidak dapat disahkan memandangkan ia tidak disokong dengan dokumen sokongan terperinci seperti nama peserta; senarai kehadiran peserta serta pengesahan penerimaan elaun oleh peserta untuk ketiga-tiga tahun terlibat. Pembayaran elaun kepada peserta mengikut segmen/kategori peserta adalah berbeza antara tahun iaitu antara RM10 hingga RM100 sehari. Bagaimanapun, kadar pemberian elaun tersebut tidak dapat disahkan kerana tiada kadar spesifik/rasmi telah ditetapkan oleh pihak Kementerian. 	
Citrawarna 1 Malaysia (2013)	Bayaran Sagu Hati	<ul style="list-style-type: none"> Pemberian sagu hati berjumlah RM0.72 Juta tidak dapat disahkan kerana dokumen sokongan seperti perakuan penerimaan peserta tidak disediakan. 	
Citrawarna 1 Malaysia (2011 hingga 2013)	Perkhidmatan Tenaga Produksi/ Kreatif	<ul style="list-style-type: none"> Pembayaran tenaga produksi/kreatif berjumlah RM672,000 Juta tidak dapat disahkan kerana tiada maklumat berkaitan dengannya seperti nama, skop kerja dan butiran pembayaran/penerimaan kepada/oleh tenaga kerja. 	
Citrawarna 1 Malaysia (2011 hingga 2013)	Kerja Persiapan Teknikal Oleh DBKL	<ul style="list-style-type: none"> Tiada pengesahan kerja dibuat bagi perkhidmatan teknikal berjumlah RM1.36 Juta pada tahun 2013. Manakala bagi tahun 2012, pembayaran berjumlah RM1.19 juta telah dibuat tanpa pengesahan kerja oleh pegawai Kementerian, sebaliknya hanya berdasarkan kepada Anggaran Perbelanjaan Kerja Persiapan Teknikal DBKL pada 16 Mei 2012. 	

RAHSIA		KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN	
20			
ACARA	JENIS ITEM	KELEMAHAN YANG DIPERHATIKAN	
Citrawarna 1 Malaysia (2012)	Khidmat Persembahan Nyanyian Oleh Artis	<ul style="list-style-type: none"> Asas perolehan artis yang dibuat melalui sebut harga berjumlah RM48,000 serta bayaran bagi setiap segmen berjumlah RM15,000 dan RM66,000 tidak dapat disahkan kerana maklumat berkaitan tidak dikemukakan. 	
Citrawarna 1 Malaysia (2012 dan 2013)	Pengangkutan Peserta	<ul style="list-style-type: none"> Bayaran perkhidmatan bagi 141 dan 118 buah bas yang masing-masing berjumlah RM0.40 juta dan RM0.39 juta pada hari acara dijalankan dan sesi latihan tidak dapat disahkan memandangkan dokumen pengesahan bayaran tidak dikemukakan. 	
Pesta Air Labuan 2011	Elaun Petugas Urus Setia	<ul style="list-style-type: none"> Pembayaran berjumlah RM38,840 tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan yang lengkap seperti pengesahan penerimaan oleh urus setia. 	
Street & Restaurant Food Festival; Billfish International Challenge; Magic of The Night (MOTN) dan Malaysia International Shoe Festival 2011 hingga 2013	Palbagal	<ul style="list-style-type: none"> Sebahagian pembayaran tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap seperti Delivery Order; Invois yang disertakan dengan perincian lengkap dan Pengesahan Penerimaan dari pegawai. 	
MRTM	Pembekalan Makanan	<ul style="list-style-type: none"> Sungguhpun pihak Perpustakaan Negara Malaysia telah melantik pihak ketiga bagi tujuan pembekalan makanan, namun pembayaran masih lagi dibuat melalui pembekal utama yang dilantik. Pembayaran penuh juga telah dibuat kepada pembekal bagi MRTM Aidilfitri, Krismas dan Deepavali pada tahun 2013 sungguhpun terdapat perbezaan antara pembekalan sebenar dengan pembekalan yang ditetapkan/sepatusnya. 	

RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

21

5. SPESIFIKASI BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

- ✓ Lawatan Audit ke tapak acara MRTM Krismas tahun 2013 pada 24 hingga 25 Disember 2013 mendapati sebahagian kerja yang dilakukan tidak mengikut spesifikasi kontrak yang ditetapkan (*improper payment*).
- ✓ Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, didapati tiada pegawai BPAK dipertanggungjawabkan untuk memastikan pembekalan peralatan logistik dibuat dengan sempurna dan mengikut spesifikasi oleh pembekal.

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

22

PEMERIKSAAN FIZIKAL BAGI BEKALAN PERALATAN LOGISTIK MRTM KRISMAS TAHUN 2013

SPESIFIKASI	KUANTITI (UNIT)			CATATAN	PERBEZAAN (-/+)	HARGA SEUNIT (RM)
	KONTRAK	PEMERIKSAAN FIZIKAL AUDIT				
		24.12.2013	25.12.2013			
KHEMAH TETAMU & KHALAYAK						
Meja bulat 6ft	2	-	-		-2	L/s
5ft	197	83	77		-120	L/s
Kerusi banquet bersarung	2,000	830	770		-1,230	10.00
Kerulai	12	10	10	Lokasi di khemah pameran.	-2	650.00
KHEMAH EDARAN MAKANAN KHALAYAK						
Switch socket 13 amp (2 unit setiap khemah)	80	40	40	Hanya terdapat satu (1) soket di setiap khemah	-40	10.00
KHEMAH PERSALINAN						
Meja 5'x3'	18	-	-	Tiada meja dibekalkan di khemah persalinan	-18	20.00
Kerusi banquet	30	-	-	Tiada kerusi banquet dibekalkan.	-30	12.00

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

23

SPESIFIKASI	KUANTITI (UNIT)			CATATAN	PERBEZAAN (-/+)	HARGA SEUNIT (RM)
	KONTRAK	PEMERIKSAAN FIZIKAL AUDIT				
		24.12.2013	25.12.2013			
Platform laluan untuk ke khemah edaran makanan, khemah khalayak dan tetamu, ke khemah kecemasan, khemah persalinan ke pentas dan sekeliling pentas	L/S	-	-	Platform Laluan Hanya Untuk VIP Dan Tlada Platform Laluan Ke Khemah Edaran Makanan, Khemah Khalayak Dan Tetamu, Ke Khemah Kecemasan, Khemah Persalinan ke Pentas Dan Sekeliling Pentas.	L/s	L/s
Kerusi plastik	5,000	+/- 2,000	+/- 1720	Berdasarkan pengiraan bekalan kerusi di setiap khemah yang telah disusun dan kerusi yang tidak tersusun /digunakan di luar khemah.	3,280	1.00

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

24

5. SPESIFIKASI BEKALAN DAN PERKHIDMATAN



Tapak Padang Kota Lama, Pulau Pinang
- 10 Cooling Fan Yang Diletakkan Di Khemah Pameran Berbanding 12 Mengikut Spesifikasi Kontrak (25.12.2013)





Tapak Padang Kota Lama, Pulau Pinang
- Hanya 1 Soket Bagi Setiap Khemah Berbanding 2 Mengikut Spesifikasi Kontrak (25.12.2013)



Khemah kecemasan
Tapak Padang Kota Lama, Pulau Pinang
- Platform Tidak Dipasang Di Laluan Khemah Kecemasan (25.12.2013)

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

25

6. PENGURUSAN KESELAMATAN

✓ Bagi Pesta Air Labuan pada tahun 2011:

- Berdasarkan surat daripada Cawangan Log Persenjaan, Ibu Pejabat Polis Daerah, lokasi pemasangan bunga api adalah tidak selamat dan dikhuatiri boleh membahayakan keselamatan dan harta benda orang awam di kawasan tersebut. Ini kerana jarak lokasi adalah kurang daripada 500m dari loji minyak Shell Timur.



*Pesta Air Labuan 2011
- Tapak Pemasangan Bunga Api Yang Berhampiran Loji
Minyak Shell Timur
Sumber: Google Map
(04.03.2014)*

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN


26

7. PENYENGGARAAN SELEPAS TAMAT ACARA

✓ Bagi acara Festival Bunga dan Taman Putrajaya 2011, terdapat 3 pontun yang masih berada di Tasik Putrajaya sehingga 8 Ogos 2011 di mana ia sepatutnya dikeluarkan pada 31 Julai 2011 dan tong yang digunakan untuk mengapungkan pontun tersebut merupakan tong Buangan Terjadual (sisa toksik) yang amat berbahaya dan dikhuatiri akan menyebabkan tasik Putrajaya dicemari oleh sisa tersebut serta melupuskan hidupan akuatik di dalamnya yang sangat berharga.

✓ Bagi acara *Royal Pahang Billfish International Challenge*, Jeti Pantai Bernas, Kuala Rompin yang digunakan bagi acara tersebut masih belum dibaik pulih sepenuhnya serta tidak diurus dengan baik.

RAHSIA


RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN 

27

8. PEMANTAUAN

- Laporan Pelaksanaan bagi sesuatu acara tidak disediakan oleh Penolong Pengurus/Pegawai Projek dan dihantar kepada Kementerian (kecuali acara Pesta Air Labuan).
- Mesyuarat Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja telah dibuat. Bagaimanapun bilangan mesyuarat yang telah diadakan tidak dapat disahkan memandangkan dokumen/minit mesyuarat tidak disimpan dengan teratur.
- Bagi acara yang dikelola oleh pihak lain dan Kementerian hanya memberikan bantuan kewangan, tiada garis panduan khusus dikeluarkan bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan acara. Pihak yang menerima bantuan tidak dikehendaki untuk menyediakan laporan untuk dihantar kepada pihak Kementerian/KPK Negeri yang menyalurkan bantuan kewangan tersebut.

RAHSIA


RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN 

28

SYOR AUDIT

- 1 Memastikan pengurusan perolehan dan pengisian acara dirancang dibuat selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa serta selaras dengan objektif acara untuk meningkatkan sektor pelancongan/kebudayaan kepada ekonomi negara ke arah 1Malaysia.
- 2 Memastikan tadbir urus pengurusan acara khususnya dari aspek pemilihan lokasi acara; pentadbiran kontrak; urusan pembayaran; pengurusan keselamatan acara serta penyenggaraan selepas tamat acara pada masa akan datang dibuat dengan teratur selaras dengan peraturan/perancangan yang ditetapkan.

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN 

29

SYOR AUDIT

3 Memastikan pembayaran dibuat selaras dengan peraturan yang ditetapkan bagi memastikan akauntabiliti terhadap penggunaan wang awam. Jawatankuasa Siasatan hendaklah dilantik dan tindakan tegas hendaklah diambil bagi kes *improper payment*.

4 Memastikan pemantauan yang rapi dibuat terhadap keseluruhan acara.

RAHSIA



Sekian Terima Kasih



KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN
MALAYSIA



MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KETIGA BELAS BIL. 21 TAHUN 2015



ISI KANDUNGAN

Year of Festivals

1.

- LATAR BELAKANG

2.

- PEMERHATIAN AUDIT DAN MAKLUMBALAS KEMENTERIAN

3.

- PENAMBAHBAIKAN

LATAR BELAKANG

ACARA-ACARA YANG DIAUDIT

- Citrawarna 1Malaysia
- Pesta Air Labuan
- *Malaysia International Shoe Festival*
- Fabulous Food 1Malaysia
- Magic of The Night
- Majlis Rumah Terbuka Malaysia Aidilfitri
- Majlis Rumah Terbuka Malaysia Deepavali
- Majlis Rumah Terbuka Malaysia Tahun Baru Cina
- Majlis Rumah Terbuka Malaysia Krismas
- Minggu Budaya Malaysia London

LATAR BELAKANG

MALAYSIA INTERNATIONAL SHOE FESTIVAL

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PENGUNJUNG	IMPAK EKONOMI (RM)	NILAI PR (RM)
2011	3.24 JUTA	55,000 PENGUNJUNG 50,000 DOMESTIK 5,000 ANTARABANGSA	6.2 JUTA	55 JUTA
2012	3.65 JUTA	63,000 PENGUNJUNG 59,000 DOMESTIK 4,000 ANTARABANGSA	6.8 JUTA	55.22 JUTA
2013	3.19 JUTA	64,809 PENGUNJUNG 60,809 DOMESTIK 4,000 ANTARABANGSA	7.2 JUTA	55.09 JUTA

LATAR BELAKANG

MAGIC OF THE NIGHT

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PENGUNJUNG	IMPAK EKONOMI (RM)
2011	3.58 JUTA	171,256 PENGUNJUNG 167,727 DOMESTIK 3,529 ANTARABANGSA	15.0 JUTA
2012	4.39 JUTA	163,015 PENGUNJUNG 153,637 DOMESTIK 9,378 ANTARABANGSA	11.66 JUTA
2013	5.80 JUTA	172,061 PENGUNJUNG 165,771 DOMESTIK 6,290 ANTARABANGSA* (termasuk makan minum, penginapan dan pengangkutan)	50.87 JUTA

* Negara dilanda jerebu, pelancong banyak batalkan perjalanan

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KETIGA BELAS BIL. 21 TAHUN 2015**

Year of Festivals

**PEMERHATIAN LAPORAN KETUA
AUDIT NEGARA 2013, SIRI 3
&
MAKLUMBALAS KEMENTERIAN**

PEMERHATIAN AUDIT

Year of Festivals

1.

Pengurusan Pengendalian Acara

2.

Pertindihan Skop Kerja

ISU 1

PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA PEMILIHAN LOKASI ACARA ACARA

BIL.	PEMERHATIAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN
1.	<p>Pemilihan Bandar Raub</p> <ul style="list-style-type: none">- 12 acara- Peruntukan RM5.23 juta	<ul style="list-style-type: none">• Sebagai Inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan;• <i>Raub Intergrated Tourism Development Blue Print</i> – destinasi pelancongan baru; dan• Projek perintis pelancongan laluan pantai timur.



ISU 1

PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA PEMILIHAN LOKASI ACARA ACARA

BIL.	PEMERHATIAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN
2.	<p>Pemilihan lokasi penganjuran <i>Fabulous Food 1Malaysia</i> (FF1M)</p> <ul style="list-style-type: none">- Johor<ul style="list-style-type: none">• Taman Johor Jaya, Johor Bharu• Bentayan Hawker Centre Muar- Kelantan<ul style="list-style-type: none">• SJK (C) Chung Hwa (Kawasan Meletak Kenderaan)	<ul style="list-style-type: none">• Kemudahsampaian kepada pengunjung;• Persetujuan antara Kementerian, PBT & Gabungan Penjaja-penjaja Malaysia;• Tarikan pelancong dari Negara jiran (Singapura dan Thailand);• Di Kelantan terpaksa diadakan di kawasan sekolah kerana cadangan lokasi asal tidak mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan

ISU 1

PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA PEROLEHAN KERUSI BANQUET DAN MAKANAN ACARA

Year of Festivals

BIL.	PEMERHATIAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN
1.	<p>Bekalan kerusi <i>banquet</i> melebihi bekalan makanan :</p> <p>Cth : MRTM Krismas 2013</p> <ul style="list-style-type: none">▪ 2000 kerusi▪ 800 Makanan	<p>Tiada pembekalan/pembelian yang berlebihan.</p> <ul style="list-style-type: none">➤ Bekalan 2000 buah kerusi <i>banquet</i> disediakan untuk kegunaan VIP, jemputan dan khalayak.➤ Stesen makanan disediakan di khemah VIP (800) dan di sekeliling khemah (1200)



ISU 1

PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA PENGISIAN ACARA

BIL.	PEMERHATIAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN
1.	<p>Penyertaan komposisi penjaja & pengusaha restoran FF1M</p> <ul style="list-style-type: none">Kurang penyertaan Bumiputera	<ul style="list-style-type: none">Terbuka kepada semua;Penyertaan kerjasama dengan PBT dan persatuan-persatuan penjaja termasuk persatuan penjaja Bumiputera;Penyertaan Bumiputera telah meningkat daripada 73 (20.8%) penjaja (2012) kepada 94 (26.62%) penjaja (2013);Komposisi penjaja juga bergantung kepada sasaran pelancong bagi sesuatu program; danJumlah penjaja Bumiputera adalah seperti berikut:<ul style="list-style-type: none">➤ 2012 - 350 Penjaja➤ 2013 - 353 Penjaja



ISU 1

PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA PENGISIAN ACARA

BIL.	PEMERHATIAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN
------	-------------------	-------------------------

2.

Sajian FF1M tidak mengikut tema yang ditetapkan

- Penetapan tema hanya untuk tujuan gimik promosi sajian dan bukan syarat wajib penyertaan.
- Pemilihan sajian memenuhi konsep kempen *Malaysia Truly Asia*.
- Sajian lain juga adalah untuk melengkapi permintaan pengunjung.

TEMA

2011- Rendang, Nasi Briani dan Char Kueh Teow

2012- Mee Rebus, Rojak dan Yong Tau Foo

2013- Nasi Goreng, Sup Tulang dan Popia Basah




ISU 1

PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA PENGURUSAN BAYARAN


Year of Festivals

BIL.	PEMERHATAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN
1.	<ul style="list-style-type: none"> Pembayaran tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Tiada bukti Sijil Pengesahan Bekalan/Perkhidmatan di tapak Cth: Citrawarna 2013 	<ul style="list-style-type: none"> Pembayaran mengikut terma kontrak; dan Pembayaran memenuhi Tatacara Kewangan Semasa. <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Invois Perdagangan <input type="checkbox"/> Bon Pelaksanaan <input type="checkbox"/> Salinan Surat Setuju Terima <input type="checkbox"/> Sijil Pengesahan Perkhidmatan <input type="checkbox"/> Salinan Penyata Bank <input type="checkbox"/> Dokumen Perjanjian <input type="checkbox"/> Polisi Insurans

**Senarai Semak
Dokumen Bayaran**



**Sijil Pengesahan
Perkhidmatan**



ISU 1

PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA SPESIFIKASI BEKALAN & PERKHIDMATAN

BIL.	PEMERHATIAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN
1.	<p>Pembekalan bekalan dan perkhidmatan tidak sempurna dan tidak mengikut spesifikasi.</p> <p>Cth: MRTM KRISMAS 2013</p>	<ul style="list-style-type: none">• Audit dilaksanakan pada 24.12.2013 (hari raptai).• Telah dibekalkan dengan sempurna mengikut spesifikasi.

PEMERHATIAN AUDIT	MAKLUM BALAS
<p>GAMBAR 22.7</p> <p>Khemah Kecemasan</p>  <p><i>Tapak Padang Kota Lama, Pulau Pinang - Platform Tidak Dipasang Di Laluan Khemah Kecemasan (25.12.2013)</i></p> <p>Platform tidak dipasang di laluan khemah kecemasan</p>	 <p>Platform yang sepatutnya dipasang di laluan khemah kecemasan sebenarnya telah dipindahkan dan dipasang bagi menambah lantai tari bagi memenuhi ruang kosong di hadapan pentas.</p>

ISU 1

PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA PENGURUSAN PENYIMPANAN STOK PROMOSI ACARA


BIL.	PEMERHATIAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN
1.	Perolehan 10,000 unit <i>File Folder VMY</i> melebihi keperluan sebenar.	<ul style="list-style-type: none">• Perolehan adalah untuk kegunaan sepanjang Kempen VMY pada 2013 & 2014; dan• Stok <i>File Folder VMY</i> telah digunakan sepenuhnya.



ISU 1

PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA PENGURUSAN PENYIMPANAN STOK PROMOSI ACARA

Year of Festivals

BIL.	PEMERHATIAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN
2.	<p>Rekod bagi bahan promosi tidak dikemaskini.</p> 	<ul style="list-style-type: none">• Stor tersebut telah dinaik taraf ke stor utama daripada ruang simpanan sementara mulai 6 Mac 2014.• Sistem rekod belum disempurnakan sepenuhnya semasa auditan dilaksanakan pada 24 Februari 2014.• Rekod penggunaan bahan promosi telah dikemaskini dengan serta merta selepas dinaiktaraf ke stor utama.

ISU 1

PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA PENGURUSAN KESELAMATAN

BIL.	PEMERHATIAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN
1.	Pertunjukan Bunga Api diadakan selepas jam 10.00 malam iaitu pada jam 10.30 hingga 10.40 malam.	<ul style="list-style-type: none">• Terdapat faktor luar jangka di mana VVIP lewat tiba sehingga melewatkan perjalanan aturcara program menyebabkan pertunjukan bunga api diadakan sedikit lewat.• Walau bagaimanapun, faktor keselamatan masih terkawal dengan kehadiran pihak BOMBA dan PDRM di tapak.


ISU 1

PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA PENYENGGARAAN SELEPAS TAMAT ACARA

BIL.	PEMERHATIAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN
1.	Pontun MOTN 2011 tidak dikeluarkan dari tapak selepas acara tamat.	<ul style="list-style-type: none">Pengendalian acara MOTN 2011 adalah yang pertama kali yang dilaksanakan oleh Kementerian. Walaubagaimanapun, pengalihan pontun telah dibuat serta merta selaras dengan arahan PPI.

ISU 1

PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA PENYENGGARAAN SELEPAS TAMAT ACARA

BIL.	PEMERHATAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN
2.	<p>Jeti Kuala Rompin tidak disenggara dengan baik semasa Royal Pahang Billfish International Challenge tahun 2013.</p> 	<ul style="list-style-type: none">• Penyenggaraan Jeti Kuala Rompin adalah di bawah tanggungjawab Majlis Daerah Rompin;• Kementerian sedang mengusahakan mewujudkan MOU dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi memastikan penyelenggaraan infrastruktur pelancongan dilaksanakan oleh pihak kerajaan Negeri.• Negeri Pahang sedang mempertimbangkan untuk menandatangani MOU tersebut.

ISU 1

PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA PEMANTAUAN

Year of Festivals

BIL.	PEMERHATIAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN
1.	Laporan Pelaksanaan program tidak disediakan. Cth: <i>Malaysia International Shoe Festival 2013.</i>	<ul style="list-style-type: none">Laporan Pelaksanaan Program telah dibuat dan dibentangkan dalam Mesyuarat <i>Post-Mortem.</i>






ISU 1

PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA PEMANTAUAN

Year of Festivals


BIL.	PEMERHATIAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN
2.	Pematuhan kepada SOP bagi pengurusan acara MRTM 2013.	<ul style="list-style-type: none">Audit membangkitkan mengenai minit-minit mesyuarat tidak difailkan dengan teratur. Pihak Kementerian telah mengambil tindakan penambahbaikan serta merta.



ISU 1

PENGURUSAN PENGENDALIAN ACARA PEMANTAUAN

BIL.	PEMERHATIAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN
3.	Tiada Garispanduan khusus bagi penyaluran bantuan kewangan.	<ul style="list-style-type: none"> • Garispanduan Bantuan Kewangan telah dikemaskini dan digunakan mulai 2 Oktober 2014.



KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA
(MINISTRY OF TOURISM AND CULTURE MALAYSIA)
Jalan T. T. S. 14-15, 16 & 17
No. 5, Jalan T. T. S. 14-15
Pusat Perkhidmatan Pelancongan
Kuala Lumpur
MALAYSIA

Tel : 603-9545 0000
Fax : 603-9545 7150
Web Page : www.mtc.gov.my

Kirakan : KIKAVMY 009-21210 JUS (1R)
Tarikh : 2 Oktober 2014

SEPERTI SEHALEBARAN

Ythg/Duta/Duta/Tuan/Puan/Cik,

GARIS PANDUAN PERMOHONAN BANTUAN KERAJAAN KEPADA KEMENTERIAN DAN AGENSI BERKAITAN KERAJAAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana Ythg/Duta/Duta/Tuan/Puan/Cik sedia maklum, Kementerian telah mengujutpaksi Garis Panduan Permohonan Bantuan Kerajaan Kepada Kementerian/Agensi Kerajaan lebih diwujudkan bagi meningkatkan kelengkapan syarikat dan prosedur permohonan bagi bantuan kewangan yang akan diserahkan kepada Kementerian/Agensi Berkaitan Kerajaan.

3. Dalam hal ini, satu Garis Panduan Permohonan Bantuan Kewangan kepada Kementerian/Agensi Kerajaan telah diwujudkan bagi meningkatkan kelengkapan syarikat dan prosedur permohonan bagi bantuan kewangan yang akan diserahkan kepada Kementerian/Agensi Berkaitan Kerajaan yang telah diluluskan oleh Ythg/Duta/KSU untuk **malaysia dan nelson** Ythg/Duta/Duta/Tuan/Puan/Cik seterunya.

GARISPANDUAN PENYALURAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA KEMENTERIAN DAN AGENSI BERKAITAN KERAJAAN

1. TUJUAN

1.1 Garis Panduan ini bertujuan merangka kerangka dan prosedur mengenai syarat-syarat, kriteria dan prosedur permohonan bantuan kewangan kepada Kementerian/Agensi Berkaitan Kerajaan untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada kerajaan.

1.2 Kerangka merujuk pada bentuk-bentuk permohonan bantuan kewangan yang akan dipaparkan dalam dokumen ini.

1.3 Garispanduan ini juga akan menjadi sebagai rujukan di Pejabat Kementerian/Agensi Berkaitan Kerajaan di seluruh negara.

2. SKOP/KESEKUTUPAN

2.1 Maklumbalasan atau nota program yang telah dikemaskini dengan tarikh 2014 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia ini akan menjadi panduan kepada yang boleh memohon permohonan dan maklumbalasan permohonan permohonan bantuan kewangan.

2.2 Garis Panduan ini adalah bagi permohonan bantuan kewangan yang akan diserahkan kepada:

- a. Kementerian/Agensi Kerajaan
- b. Pihak Berkuasa Tempatan/Negeri/Keperluan Masyarakat
- c. Agensi/Agensi Kerajaan
- d. Badan Berkanun/Perbadanan
- e. Syarikat Swasta atau Pihak Berkanun Kerajaan yang berkaitan dengan

3. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

3.1 Pihak yang layak akan diperhalusi adalah dengan Kementerian dan Agensi Berkaitan Kerajaan yang telah dikemaskini dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia ini akan menjadi panduan kepada yang boleh memohon permohonan dan maklumbalasan permohonan permohonan bantuan kewangan.

3.2 Pihak yang layak akan diperhalusi adalah dengan Kementerian dan Agensi Berkaitan Kerajaan yang telah dikemaskini dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia ini akan menjadi panduan kepada yang boleh memohon permohonan dan maklumbalasan permohonan permohonan bantuan kewangan.



BIL.	PEMERHATIAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN
1.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Skop kontrak perkhidmatan perhubungan awam Kementerian dan Tourism Malaysia mempunyai persamaan; ▪ Nilai kontrak yang ditawarkan kepada Kementerian lebih tinggi berbanding dengan Tourism Malaysia; dan ▪ Output kerja yang dilaksanakan oleh Agensi Perhubungan Awam mempunyai persamaan dengan output kerja Unit Komunikasi Korporat Kementerian. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kontrak PR VMY adalah khusus untuk kempen VMY 2014 (domestik dan antarabangsa) berbanding kontrak TM yang hanya memfokus kepada penyediaan draf ucapan, dan media releases untuk kegunaan organisasi. • Skop Kerja Agensi PR VMY 2014 lebih besar dan komprehensif: <ul style="list-style-type: none"> ➤ Spesifikasi kerja baru yang tidak dirangkum oleh PR TM dan UKK termasuklah melakukan kajian dalam penyediaan e-buletin, write-ups, editorial, dan konsultasi untuk acara-acara mega VMY 2014; ➤ Tugas, tanggungjawab dan output yang lebih tinggi dari segi kompleksiti, frekuensi dan intensiti; dan ➤ Pengantara dalam menjalinkan kerjasama strategik di antara kementerian dan saluran swasta

BIL.	PEMERHATIAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN
1.	<ul style="list-style-type: none">▪ Skop kontrak perkhidmatan perhubungan awam Kementerian dan Tourism Malaysia mempunyai persamaan;▪ Nilai kontrak yang ditawarkan kepada Kementerian lebih tinggi berbanding dengan Tourism Malaysia; dan▪ Output kerja yang dilaksanakan oleh Agensi Perhubungan Awam mempunyai persamaan dengan output kerja Unit Komunikasi Korporat Kementerian.	<ul style="list-style-type: none">• Struktur kos dan modul tenaga kerja bagi kontrak PR VMY 2014 adalah berbeza dengan kontrak PR TM di mana terdapat 4 orang staf Agensi PR ditempatkan secara sepenuh masa di VMY 2014 dan 27 orang staf khusus bagi mengendalikan dan membantu tugas-tugas PR serta promosi untuk program-program sempena VMY 2014. Kontrak PR TM hanya menyediakan 1 pekerja utama dan bertugas berdasarkan “on call basis”.• Skop kerja UKK KPK lebih fokus kepada isu-isu pelancongan semasa dan aduan umum manakala skop kerja kontrak PR VMY 2014 adalah lebih khusus untuk mempromosi acara-acara VMY 2014.

BIL.	PEMERHATIAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN
2.	<ul style="list-style-type: none">▪ Harga kontrak tidak terperinci dan ditetapkan secara <i>lump sum</i>.	<ul style="list-style-type: none">• Perolehan PR tidak boleh disamakan dengan perolehan biasa (kerja/bekalan/perkhidmatan).• Skop perolehan PR bagi kontrak VMY 2014 disediakan berdasarkan 19 skop utama di mana pembayaran dibuat berdasarkan penyampaian perkhidmatan bagi skop-skop yang terlibat berdasarkan konsultasi dan kepakaran.• Di samping itu, pembayaran juga dibuat berdasarkan jumlah acara iaitu acara-acara mega VMY 2014 dan turut memberi publisiti kepada acara-acara negeri lain.• Tender kontrak dilaksanakan secara terbuka.

BIL.	PEMERHATIAN AUDIT	MAKLUMBALAS KEMENTERIAN												
2.	<ul style="list-style-type: none"> Harga kontrak tidak terperinci dan ditetapkan secara <i>lump sum</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> Walau bagaimanapun, langkah penambahbaikan telah diambil ke atas pemantauan pembayaran <i>retainer fee</i> bagi bulan Jun, Julai dan Ogos ke atas skop kerja yang tidak dilaksanakan. <table border="1" data-bbox="1189 719 2024 1150"> <thead> <tr> <th>BULAN</th> <th>JUMLAH POTONGAN (RM)</th> <th>TOR</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Jun</td> <td>11,363.00</td> <td>16</td> </tr> <tr> <td>Julai</td> <td>11,363.00</td> <td>16</td> </tr> <tr> <td>Ogos</td> <td>24,227.00</td> <td>7 & 16</td> </tr> </tbody> </table> <p>*TOR 7 Provide press release on VMY 2014</p> <p>*TOR 16 Share existing data info with regards to VMY and also to compile and gather data bank (database) to support VMY 2014.</p>	BULAN	JUMLAH POTONGAN (RM)	TOR	Jun	11,363.00	16	Julai	11,363.00	16	Ogos	24,227.00	7 & 16
BULAN	JUMLAH POTONGAN (RM)	TOR												
Jun	11,363.00	16												
Julai	11,363.00	16												
Ogos	24,227.00	7 & 16												

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KETIGA BELAS BIL. 21 TAHUN 2015

Year of Festivals



PENAMBAHBAIKAN

PENAMBAHBAIKAN

1.

- Telah mewujudkan dan melaksanakan garis panduan pengesahan perkhidmatan/bekalan bagi pengurusan acara.

2.

- Telah mewujudkan dan melaksanakan garis panduan bantuan kewangan kepada Jabatan/Agensi bagi pengurusan acara.

3.

- Telah mengemaskini dan melaksanakan prosedur kerja ISO bagi pengurusan acara Kementerian.

PENAMBAHBAIKAN

Year of Festivals

4.

- Mengamalkan Pra-Audit bagi urusan perolehan dan bayaran mengikut keperluan.

5.

- Mewajibkan semua pegawai yang terlibat dalam pengurusan acara untuk menghadiri kursus perolehan/kewangan.

6.

- Mulai tahun 2015, wakil daripada Bahagian Kewangan, KPK turut dilibatkan dalam pemeriksaan perkhidmatan/bekalan.

HALA TUJU

Year of Festivals

7.

- Mendapatkan khidmat nasihat Unit Audit Dalam dan Unit Integriti bagi urusan perolehan bayaran dan pengesahan perkhidmatan/bekalan mengikut keperluan

MALAYSIA Truly Asia

Year of Festivals

2015

Truly Asia



SEKIAN, *Terima Kasih.*

